DR 4 TAHUN 2015
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN MESIN PENGIMBAS KARGO

- Kementerian Kewangan –

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia -

LAPORAN

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKASURAT
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Tahap Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo Jabatan Kastam Diraja Malaysia	1
2.	Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	7
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 36/2014 pada Selasa 28 Oktober 2014	8
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 36/2014 pada Selasa 28 Oktober 2014	
5.	Dokumen Pembentangan	

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TERHADAP PENGURUSAN MESIN PENGIMBAS KARGO JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (SELASA, 28 OKTOBER 2014)

1. PENDAHULUAN

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 2) di Dewan Rakyat pada 16 Jun 2014 telah mendedahkan beberapa perkara berkaitan dengan Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

World Customs Organisation (WCO) SAFE *Framework of Standards to Secure and Facilitate Global Trade* menetapkan peralatan pemeriksaan seperti mesin pengimbas harus disediakan dan digunakan oleh Jabatan Kastam.

Alat ini dapat membantu Jabatan Kastam memastikan barangan import dan eksport yang diikrar serta duti/cukai yang dibayar adalah betul di samping mengesan dan menghalang barang yang berbahaya/terlarang seperti dadah dan senjata api, tanpa mengganggu aliran perdagangan yang sah.

JKDM telah mula menggunakan mesin pengimbas sejak tahun 2001 bagi mengimbas kandungan yang terdapat dalam kargo yang diimport/dieksport dan pemeriksaan terhadap penumpang di lapangan terbang, sempadan dan pelabuhan/jeti. Setakat akhir tahun 2013,

JKDM mempunyai sebanyak 16 mesin pengimbas kargo yang diperolehi pada tahun 2001, 2003 hingga 2011. Kos yang telah

dibelanjakan adalah RM183 juta. Mesin-mesin pengimbas kargo ini ditempatkan di Johor (7 unit), Selangor (4 unit), Pulau Pinang (2 unit), Perlis (1 unit), Sabah (1 unit) dan Sarawak (1 unit).

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah membincangkan isu Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo JKDM yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 2). Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

i. Menentukan sama ada perbelanjaan telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;

ii. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan

iii. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap semua pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku ketirisan dalam perbelanjaan wang awam.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

a) Menjemput Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan.

b) Memanggil pihak yang terlibat dalam Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo JKDM iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan

c) Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

4. LIMITASI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tiada limitasi dikenal pasti.

5. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Jabatan Audit Negara kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang diwakili oleh YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad telah dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Oleh Jabatan Audit Negara

Jabatan Audit Negara telah memaklumkan mengenai hasil kajian terhadap Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo JKDM:

a) secara umumnya, pengurusan mesin pengimbas kargo telah diuruskan dengan teratur dan mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

b) beberapa kelemahan telah ditemui seperti berikut:

   (i) daripada 16 mesin pengimbas kargo yang sedang digunakan, terdapat 2 mesin pengimbas kargo (yang ditempatkan di Pelabuhan Klang) yang mempunyai kadar kerosakan yang tinggi iaitu 11.8% dan 15.6% setahun atau masing-masing tidak berfungsi sebanyak 86 dan 171 hari dalam tempoh 2 dan 3 tahun;

   (ii) terma kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo tidak mempunyai skop kerja penyenggaraan pencegahan yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci tidak disediakan mengikut skop kerja; dan

   (iii) apabila sesuatu kes kemalangan berlaku seperti di CIQ Johor Bahru dan *West Port*, Pelabuhan Klang, tindakan pegawai Kastam adalah bergantung pada inisiatif pegawai berkenaan kerana *Standard Operating Procedures* (SOP) berkaitan tidak disediakan. Selain itu, tiada bukti tindakan telah diambil untuk menuntut ganti rugi terhadap pihak yang bertanggungjawab.

5.2. Keterangan Oleh Ketua Pengarah Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Ketua Pengarah Kastam telah melaksanakan beberapa tindakan terhadap teguran Audit di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 2) seperti berikut:

5.2.1. pihak vendor telah menggantikan *Data Set Management Server* atau DMS yang baru pada 13 Januari 2014. Pihak vendor juga telah menempatkan seorang juruteknik di mesin pengimbas kargo (yang mempunyai kadar kerosakan tertinggi) di Pelabuhan Klang.

5.2.2. memperkenalkan beberapa penambahbaikan kepada syarat kontrak bagi memperkemaskan pengurusan penyenggaraan mesin pengimbas kargo. Dalam kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo dengan Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd., sebanyak **30 item** telah dimasukkan ke dalam skop kerja penyenggaraan bulanan dan **60 item** ke dalam skop kerja tahunan penyenggaraan mesin pengimbas. Jumlah kos bulanan dan tahunan penyenggaraan juga telah dinyatakan di dalam kontrak berdasarkan skop kerja di atas seperti *man hours*, lokasi mesin dan kos *professional workmanship* apabila mereka memberikan perkhidmatan. Pada bulan Ogos 2013, syarikat tersebut telah membuat penambahbaikan bagi mengatasi beberapa masalah yang dikenal pasti dan punca kerosakan seperti berikut:

(i) menaiktaraf sistem *Software Image Analysis*;

(ii) menggantikan sistem *Optical Character Recognition* (OCR);

5.2.3. SOP Tatacara Aduan/Laporan Kerosakan Mesin Pengimbas Jabatan Kastam telah dikeluarkan kepada semua pejabat Kastam Negeri pada Ogos 2014.

6. RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

6.1. Jabatan Kastam sepatutnya membeli mesin pengimbas berkualiti atas dasar perolehan '*total cost of ownership*'. Ini bermakna suatu perjanjian dimeterai dengan pihak vendor dengan mengambil kira kos pengendalian dan kos pembaikan yang munasabah dalam tempoh masa tertentu. Di samping itu, kerosakan seperti kemalangan oleh pihak ketiga diletakkan juga di bawah tanggungjawab vendor.

7. SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

7.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia perlu menilai semula perolehan mesin pengimbas kargo yang akan datang atas dasar *'total cost of ownership'* atau '*leasing*'. Di samping itu, *service level agreement* (SLA) bagi penggunaan mesin pengimbas perlu dinyatakan dengan jelas sebelum kontrak dimeterai.

7.2. Jabatan Kastam diminta untuk mendapatkan jumlah perbelanjaan yang bakal ditanggung sekiranya ingin melaksanakan perolehan seperti di perkara 6.1.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	RUMUSAN
6.1	Jabatan Kastam sepatutnya membeli mesin pengimbas berkualiti atas dasar perolehan '*total cost of ownership*'. Ini bermakna suatu perjanjian dimeterai dengan pihak vendor dengan mengambil kira kos pengendalian dan kos pembaikan yang munasabah dalam tempoh masa tertentu. Di samping itu, kerosakan seperti kemalangan oleh pihak ketiga diletakkan juga di bawah tanggungjawab vendor.

PARA	SYOR
7.1	Jabatan Kastam Diraja Malaysia perlu menilai semula perolehan mesin pengimbas kargo yang akan datang atas dasar *'total cost of ownership'* atau '*leasing*'. Di samping itu, *service level agreement* (SLA) bagi penggunaan mesin pengimbas perlu dinyatakan dengan jelas sebelum kontrak dimeterai.
7.2	Jabatan Kastam diminta untuk mendapatkan jumlah perbelanjaan yang bakal ditanggung sekiranya ingin melaksanakan perolehan seperti di perkara 6.1.

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Bilangan 36/2014 pada Selasa 28 Oktober 2014

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 36/2014 PADA SELASA 28 OKTOBER 2014
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
28 Oktober 2014 **(Selasa)** **11.00 pagi**	**Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo** *(ditunda daripada jadual asal iaitu pada Selasa 21 Oktober 2014)*	1. Kementerian Kewangan 2. Jabatan Kastam Diraja Malaysia

LAPORAN PROSIDING

- Bilangan 36/2014 pada Selasa 28 Oktober 2014

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 28 OKTOBER 2014

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]

Tidak Hadir *[Dengan Maaf]*

YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Fauzi bin Mustafa [Pegawai Penyelidik]
Encik Ahmad Johan bin Mohd. Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
Cik Fatin Izzati binti Mohd. Radzi [Jurubahasa Serentak II]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Encik Saiful Anuar bin Mohd Jaafar [Timbalan Pengarah Audit Kerajaan Persekutuan (Cukai Pendapatan)]
Encik Haji Azmar bin Haji Momin [Penolong Pengarah Audit Kastam Negeri Johor]
Encik Ilyas Shukri bin Khodori [Penolong Pengarah Audit Kastam Negeri Johor]

Kementerian Kewangan

Encik Suhaili bin Ahmad [Timbalan Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi (Seksyen Perancangan Strategik)]
Puan Rokhoun Nafsiah binti Abd Rashid [Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan]

samb/

HADIR BERSAMA *(samb/-)*

Jabatan Akauntan Negara
Encik Mohd Sabree bin Yaakub [Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Jabatan Perkhidmatan Awam
Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan]

Unit Perancang Ekonomi
Encik Ahmad bin Ali [Timbalan Pengarah I (Seksyen Keselamatan
dan Ketenteraman Awam)]

SAKSI-SAKSI

Jabatan Kastam Diraja Malaysia
YBhg. Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah Kastam Malaysia]
YBhg. Dato' Haji Matrang bin Suhaili [Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Penguatkuasaan/Pematuhan)]
YBhg. Dato' Haji Hassan bin Ibrahim [Penolong Ketua pengarah Kastam
(Bahagian Penguatkuasaan)]
YBhg. Dato' Ahmad Nadzri bin Embong [Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
dan Sumber Manusia]
YBhg. Dato' Haji Md. Salleh bin Said [Pengarah Bahagian Perkastaman]
YBhg. Dato' Ab. Hamid bin Salleh [Pengarah Bahagian Perancangan Korporat]
Tuan Mohd Matar bin Musa [Timbalan Pengarah Cawangan Pengurusan Perolehan]
Tuan Haji Iskandar bin Jaafar [Timbalan Pengarah Cawangan Logistik]
Tuan Khairuddin bin Shafie [Unit Mesin Pengimbas]
Tuan Rizaman bin Abd. Rahman [Penolong Kanan Pengarah Kastam Cawangan Keurusetiaan dan
Penyelarasan Bahagian Perancangan Korporat]
Tuan Muhammad Firdaus bin Ibrahim [Pembantu Penguasa Kastam]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA

Selasa, 28 Oktober 2014

Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.18 pagi

[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi, Ahli Jawatankuasa PAC, wakil daripada Jabatan Audit Negara berserta wakil-wakil EPU, JPA dengan MoF ya. Selamat datang ke Mesyuarat PAC kita pada pagi ini, Mesyuarat Bilangan 36, Tahun 2014.

Tujuan kita pada pagi ini adalah untuk mendengar penjelasan daripada Jabatan Kastam mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2 yang lepas iaitu berkenaan dengan pengurusan mesin pengimbas kargo Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang dilaporkan tidak memuaskan dari segi pelaksanaannya.

Berdasarkan laporan ini, dia kata dua daripada 16 buah mesin pengimbas kargo mempunyai kadar kerosakan yang tinggi. Lepas itu, terma kontrak penyenggaraan tidak mempunyai skop penyenggaraan pencegahan yang memadai dan butiran harga kos penyenggaraan tidak diperincikan.

Jadi Jabatan Audit, kalau ada apa-apa yang hendak tambah lagi sebelum kita panggil Jabatan Kastam untuk masuk.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan), Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dan wakil-wakil jabatan.

Jadi sebagaimana yang Tuan Pengerusi katakan tadi, itulah dua isu yang kita telah bangkitkan. Pertama, kajian Audit adalah tertumpu pada jenis-jenis kerosakan mesin pengimbas yang walaupun ia telah dibaiki, kerap kali ia dilanggar dan sebagainya dan menyebabkan masih rosak. Kedua ialah kekerapan mesin pengimbas ini rosak... *[Gangguan sistem rakaman]*

Satu lagi ialah berkenaan dengan kelemahan kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo yang tidak mempunyai skop kerja penyenggaraan pencegahan yang memadai serta butiran harga kos yang terperinci. Jadi apabila mesin itu kita hendak baiki, kosnya dia tidak tahu yang mana satu yang sebenarnya rosak sebab- walaupun mesin itu rosak, dia tetap kena menyenggarakan *because* ia tidak ada pecahan...

Tuan Pengerusi: Tidak mematuhi kontraklah.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ya, tidak mematuhi kontrak. Jadi kalau dia ada pecahan, mungkin dia cuma menyenggara yang tidak rosaklah. Sepatutnya, yang rosak pun dia menyenggara. Itu antara...

Tuan Pengerusi: Enam belas buah mesin ini satu negara, dia punya jumlah dia?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Seluruh Malaysia, ya.

Tuan Pengerusi: Seluruh Malaysia di mana lokasinya?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Lokasi di semua Jabatan Kastam.

Tuan Pengerusi: Tahu, tahu. Dekat Johor mesti ada lah.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Di Johor ada.

Tuan Pengerusi: *Port Klang*?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: *Port Klang*.

Seorang Ahli: Johor ada empat.

Tuan Pengerusi: Johor ada empat.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Hendak bagi *background* sikitlah. Kalau tidak, kita tidak ada soalan nanti.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Okey. Di kompleks CIQ ada empat. Di Tanjung Kupang satu.

Tuan Pengerusi: Okey.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Di Pelabuhan Pasir Gudang satu dan Pelabuhan Tanjung Pelepas satu.

Tuan Pengerusi: Ada enam dekat Johorlah.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Enam di Johor. Di Selangor, Pelabuhan Utara dua dan Pelabuhan Barat dua.

Tuan Pengerusi: Okey.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Di Perlis di Padang Besar ada satu.

Tuan Pengerusi: Padang Besar ada satu, okey.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Di Pulau Pinang, di Pelabuhan Bagan Dalam ada satu dan juga di *North Butterworth Container Terminal* ada satu.

Tuan Pengerusi: NBCT, okey.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: NBCT ada satu. Di Sarawak, Pelabuhan Senari, Kuching, ada satu dan juga di Sabah, Pelabuhan Sepanggar, Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi: Jadi hari ini yang rosak ini di mana lokasinya? Mesin yang dikenal pasti sudah rosak ini.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Yang kita buat lawatan itu di CIQ.

Tuan Pengerusi: CIQ Johor?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: CIQ Johor. Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Bahagian import atau bahagian eksport?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Mungkin pegawai saya yang baru membuat lawatan...

Encik Haji Azmar bin Haji Momin [Penolong Pengarah Audit Kastam Negeri Johor, Jabatan Audit Negara]: *Saya* wakil daripada Seksyen Audit Kastam Negeri Johor. Di Johor di Gelang Patah memang dilaporkan rosak, dan kita sudah lawat pada 19 dan 20 hari bulan itu hari, memang *totally* tidak boleh dipakailah. Kita dimaklumkan oleh pihak Jabatan Kastam sendiri bahawa tindakan untuk mengganti kepada mesin yang baru sedang dijalankan.

Semasa lawatan, hanya kerja-kerja pembersihan...

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Duduk pakai *mike*. Hendak rekod. *You* ulang balik apa yang *you* cakap tadi.

Encik Haji Azmar bin Haji Momin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya daripada wakil Audit Kastam Johor. *So,* kita ada buat lawatan di Jabatan Kastam Gelang Patah bagi Unit Import, mesin Unit Import di Gelang Patah, Tanjung Kupang. *So*, saya sahkan bahawa mesin memang sudah rosak dan mengikut maklumat saya, ia sudah rosak sejak Januari 2013.

Mengikut Jabatan Kastam Gelang Patah, bahawa dia akan gantikan dengan mesin yang baru dan kerja-kerja sedang dilaksanakan. Akan tetapi semasa lawatan saya pada 20 Oktober yang lepas, hanya kerja-kerja pembersihan di sekitar mesin berkenaan sedang dijalankan. Sekian dimaklumkan.

Tuan Pengerusi: Jenis apa mesin itu?

Encik Haji Azmar bin Haji Momin: Mesin dari USA.

Tuan Pengerusi: *US's machine.*

Encik Haji Azmar bin Haji Momin: *Portal VACIS machine* kalau tidak silap saya.

Tuan Pengerusi: Okey. Di bahagian import atau di bahagian eksport?

Encik Haji Azmar bin Haji Momin: Import.

Tuan Pengerusi: Import. Dari segi sekarang ini, bahagian eksport pun ada mesin ini juga kan?

Encik Haji Azmar bin Haji Momin: Ya, ada.

Tuan Pengerusi: Ada dua, bukan? Import dan eksport. Ada kan dua-dua? *Volume* tinggi tidak?

Encik Haji Azmar bin Haji Momin: Secara puratanya, dalam satu hari ada 500 hingga 600 lori yang akan keluar masuk.

Tuan Pengerusi: Itu dekat Gelang Patah lah. Yang dekat CIQ?

Encik Haji Azmar bin Haji Momin: CIQ, di bahagian import kita ada dua mesin. Di bahagian eksport pun kita ada dua mesin.

Tuan Pengerusi: CIQ ada empat?

Encik Haji Azmar bin Haji Momin: Ada empat. Maknanya dua mesin itu lori boleh masuk kiri dan kananlah.

Tuan Pengerusi: Yang Laporan Ketua Audit Negara kata yang rosak, yang tidak memuaskan dekat CIQ lah?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: CIQ, ya.

Tuan Pengerusi: Bukan dekat Gelang Patah lah?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Gelang Patah kita baru buat lawatan.

Tuan Pengerusi: Baru buat lawatan.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Daripada surat layang itu, kita baru buat lawatan pada 20 dan 21 hari bulan.

Tuan Pengerusi: Pelabuhan Utara ada masalah?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Pelabuhan Utara...

Tuan Pengerusi: *North Port* dan *West Port*?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Rasanya tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi: Jadi maknanya penyiasatan dibuat secara *sampling* lah?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ya, secara *sampling.*

Tuan Pengerusi: *Sampling* lah. Okeylah. Orang kata- pasal apa, yang saya fikirlah mesti *volume* tinggi mesti di Pelabuhan Klang *West Port* dan CIQ yang paling besar dia punya *volume.*

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Dua tempat ini.

Tuan Pengerusi: Dua tempat ini. Akan tetapi Pelabuhan Klang tidak pernah buatlah?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Pelabuhan Klang kita- kita buat atau tidak hari itu?... *[Bertanya kepada pegawai berkaitan]* Buat juga, ada...

Tuan Pengerusi: Apa status Pelabuhan Klang?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori [Penolong Pengarah Audit Kastam Negeri Johor, Jabatan Audit Negara]: *Assalamualaikum* Tuan Pengerusi. Untuk makluman Tuan Pengerusi, mungkin saya betulkan balik tadi, untuk kajian yang kami lakukan untuk Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 ini, kita melihat kesemua 16 mesin pengimbas di seluruh negara.

Kalau mungkin saya boleh tunjukkan di skrin, kita memang pergi kepada semua. Untuk *West Port* dan juga *North Port,* kerosakan itu ada *on and off* disebabkan pelanggaran oleh pemandu lori sendiri. Akan tetapi, Jabatan Kastam telah pun mengambil tindakan untuk membetulkan balik. *So*, ia jadi dua-dua, di bahagian import dan juga eksport, kejadian yang sama juga berlaku.

Tuan Pengerusi: Maknanya *specs machine X-ray* ini *not suitable for lorry* yang lalulah?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Mungkin nanti ada penjelasan yang lebih baik daripada Jabatan Kastam. Akan tetapi berdasarkan kajian kami, kita punya lori kebanyakannya tidak, istilahnya tidak standard, Tuan Pengerusi. Mesin pengimbas itu datang, memang dia punya *measurement* macam itu.

Kita punya lori ada jenis kontena, ada jenis yang kayu yang macam terbuka dia punya itu, dan ada juga yang ketinggian yang tidak mengikut *specs* yang boleh lalu kepada mesin pengimbas. *So*, kalau ketinggian maksimum atau dia melebar, dia pasti akan langgar dia punya *arm* itu.

Tuan Pengerusi: Jadi Jabatan Kastam beli mesin itu *spec* dia tidak sesuai untuk semua lori lalulah?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Dia membeli yang sesuai untuk yang kontena punya itu. Maksudnya kalau yang kontena *20 footer, 40 footer* itu memang dia boleh masuk. Akan tetapi kalau yang macam- kita pun sedia maklum, kalau kita tengok di *highway,* kita punya lori kadang-kadang selagi dia boleh muat dekat atas itu, dia memang akan sumbatlah. *So*, bila jadi macam itu- ia pun tidak boleh hendak *adjust.*

Berdasarkan kajian kami pun, bila di *scan* itu, ia memang sesuai dengan kalau kontena yang besi itulah istilahnya itu, dan ia boleh *scan* dan boleh nampak di dalam. Akan tetapi kalau macam yang lebihan muatan itu, ia boleh *scan* tetapi mesin *scan* itu tidak *adjustable.* Maksudnya dia terbuka, dia membesar...

Tuan Pengerusi: Ada kemungkinan disengajakan?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Yang itu pun kemungkinan besarlah, memang lori itu sengaja hendak masuk hendak merosakkan mesin itu.

Tuan Pengerusi: Pasal apa, yang pegawai Kastam yang kena tangkap rasuah itu di pelabuhan atau dekat mana?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Yang itu di Pelabuhan Klang.

Tuan Pengerusi: Pelabuhan Klanglah. Oleh sebab itu, saya pun terfikir mungkin ada kaitan juga. Dia sengaja rosakkan mesin itu, lepas itu buat manual *check,* tidak serapi macam *scanning*lah.

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Akan tetapi kita pun lihat Tuan Pengerusi, kalau dia buat *scan* juga, kalau dia ada *suspicious*, dia pun akan buat manual *check* juga. Bila kita...

Tuan Pengerusi: Patutnya *machine* itu akan jadi *first check,* lepas itu baru pergi manual *check.* Ini kalau pergi manual *check,* lagi senang. Lepas itu, orang kata kalau lori itu disumbat sepenuh-penuhnya, kadang-kadang orang kata kalau Pegawai Kastam itu penat atau dia tidak mahu *check* semua, dia bagi lalu sahaja.

Tak, benda-benda macam ini, Audit kena tanya lebih mendalam. Buat macam forensik audit. Kita tidak dapat kesan sebab kadang-kadang mereka ini bagi *excuse* macam itu sahaja, kita terima sahaja. Mungkin ada udang di sebalik batu.

■1130

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Maklumat itu kadang kita pun ada terima, Tuan Pengerusi, cuma mana yang ada dalam laporan ini, mana yang kita boleh buktikan sahajalah. Yang itu pun- kemungkinan itu memang saya tidak nafikanlah. Kalau kita tengok adapun- kita berpeluang untuk tengok *footage.*

Daripada mesin pengimbas ini, ada juga memang pemandu sengaja turun dan matikan mesin itu. Dia memang ada *button* untuk itu. Itu memang unsur-unsur keselamatan yang memang *features* pada mesin itu. Kita tengok *footage* CCTV itu pun nampak memang sengaja untuk dia rosakkan mesin pengimbas di CIQ, Johor.

Tuan Pengerusi: Kastam ada prosedur-prosedur untuk mencegah benda ini? Ada penambahbaikan yang mereka buat atau tidak?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Mereka ada buatlah. Untuk prosedur itu, kita *check* memang ada. Cuma dia kena tingkatkanlah. Dari segi *procedure wise* itu memang sudah ada lah. Cuma dari segi penguatkuasaan itulah yang di antara perkara yang kita *highlight*kan dalam repot untuk dia tingkatkan dan juga menyediakan SOP yang lebih menyeluruh. Setakat ini, yang *simple-simple* ada lah. Maksud saya, kalau ada kerosakan, dia buat laporan polis, selepas itu dimaklumkan kepada vendor yang itu untuk buat pembaikan seterusnya.

Tuan Pengerusi: Mereka buat serta-merta atau mereka tunggu sampai seminggu, dua minggu atau sebulan baru buat?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Laporan itu serta-mertalah.

Tuan Pengerusi: Serta-mertalah mereka buat?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Serta-merta.

Tuan Pengerusi: Ada hendak tambah lagi, Jabatan Audit?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Hendak tambah sikit. Tuan Pengerusi, cuma Pelabuhan Klang, Pelabuhan Barat dan juga Pelabuhan Utara antara yang tertinggi juga kekerapan kerosakan. Bilangan hari mesin pengimbas yang dilaporkan rosak mengikut kajian kita, dalam 165 hari. Untuk Barat dan Utara selama 214 hari. *So,* tempohnya lama jugalah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jenis *scanner* yang dipakai sekarang jenis daripada mana?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: NUCTECH. Mesin pengimbas kargo NUCTECH namanya.

Tuan Pengerusi: Dia daripada mana, US juga?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: US juga kah, USkah?... *[Bertanya kepada pegawai berkaitan]*

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Untuk makluman Tuan Pengerusi, mungkin ada di skrin... *[Merujuk kepada paparan slaid]* Dia ada jenis-jenisnya. Jenis mesin pengimbas kalau *pass-thru* itu maksudnya jenis macam tol. *Gantry,* maksudnya ia *parking* selepas itu mesin yang bergerak. Kalau yang *pass-thru* tadi, mesin itu tidak gerak tetapi lori yang gerak. Manakala yang akhir sekali itu dia ada mobil. Kita tengok dekat situ, kalau CIQ JB, di atas itu *pass-thru* dari China. China ini yang import. Kalau yang Jerman *is export*lah. Ada dua itu. China, Jerman, US. Tiga.

Tuan Pengerusi: Yang selalu rosak US lah?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Setakat ini yang kita lihat serius ialah US. Boleh dikatakan semua ada kerosakan masing-masing tetapi mungkin tadi yang rakan saya pun jelaskan di Gelang Patah itu, itu US lah.

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa hendak tambah lagi, itu sahaja? Ahli Jawatankuasa, wakil kementerian, ada apa-apa hendak tambah lagi sebelum kita panggil Kastam?

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Tuan Pengerusi, ada dua cara rosak ya? Satu yang rosak dan mengambil masa lama untuk diperbaiki dan keduanya yang sering rosak. Maksud saya itu rosak, *repair,* rosak, *repair.* Itu sering rosak. Akan tetapi yang disebut tadi yang lama tadi itu ada yang rosak yang perlukan *technical notification,* bukan? Memakan masa lama. Itu mungkin standard mesin itulah, bukan? Akan tetapi yang sering rosak ini yang menjadi satu perkara yang perlu kita tengoklah.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Yang Berhormat, daripada analisis kita, kita dapati yang sering dan kerap rosak adalah yang di Padang Besar. Usianya 11 tahun, 20 harilah hendak dibaiki balik. Kadar kerosakannya *about* 1.5%. Di Pelabuhan Bagan Dalam, Pulau Pinang. Kita ada yang itu dan juga di Pelabuhan Klang (Barat), Selangor. Di Pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan Perlislah, tiga ini sering rosak juga dan mengambil masa yang lama untuk dibaiki.

Tuan Pengerusi: Daripada segi kemampuan syarikat yang *maintain* ini untuk betulkan kerosakan-kerosakan?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Mereka ada cawangan di sini. Macam China pun ada cawangan. Maknanya tidak ada masalahlah untuk...

Tuan Pengerusi: Yang US ini memang dia terbengkalai begitu? Maknanya tidak ada orang kisah pun untuk membetulkannya?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Dia tidak ada *spare part* rasanya.

Tuan Pengerusi: Ya?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: *Sparepart* ya?... *[Bertanya kepada pegawai berkaitan]*

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Mungkin disebabkan pejabatnya tidak ada di sini, Tuan Pengerusi. *So,* dia macam ambil masa. Pejabat urusannya ada tetapi dia tidak semacam yang dua negara tadilah, China dan Jerman itu. Kalau ada masalah, dia memang letak dia punya *person in charge* itu di mesin pengimbas dia juga. Dia ada pejabat kecil dia di situ. *So,* dia boleh *take action.* Kita nampak US ini dia ambil masa yang begitu lama untuk dia dapatkan *spare part* dan untuk tindakan itulah. Berdasarkan kajian kami pun, US ini memang Kastam ada tujuan untuk menggantikanlah. Maknanya dia akan menggantikan semua yang US punya mesin pengimbas ini.

Tuan Pengerusi: Pemilihan mesin US ada kena mengena dengan peraturan US yang hendak buat *pre custom clearance* itukah dekat *port of* apa? Sebelum masuk kontena pergi ke US, mereka sekarang suruh negara di mana negara keluar itu supaya *scan* di sini.

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Saya lihat itu memang prosedur biasa apabila...

Tuan Pengerusi: Tahu tetapi maknanya ada kaitan dengan kita beli peralatan US atau tidak sebelum ini?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Saya rasa tidak ada agaknya yang begitu.

Tuan Pengerusi: Bukan lamalah?

Encik Ilyas Shukri bin Khodori: Lama sudah.

Tuan Pengerusi: Okeylah. *All right,* ada apa-apa lagi?... Tidak ada? Kalau tidak ada apa-apa, panggil Kastam masuk.

[Saksi-saksi dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

■1140

Tuan Pengerusi: Selamat pagi dan salam 1Malaysia kepada Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad, Ketua Pengarah Kastam Malaysia serta pegawai-pegawai dari Kastam.

Sebenarnya tujuan PAC panggil Kastam adalah untuk mendapat penjelasan daripada Jabatan Kastam mengenai masalah pengurusan mesin pengimbas kargo Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013, Siri 2.

Antara kelemahan yang dikenal pasti oleh Jabatan Audit Negara ialah dua daripada 16 mesin pengimbas kargo di pelabuhan yang mempunyai kadar kerosakan yang tinggi. Selepas itu, terma kontrak penyenggaraan yang tidak mempunyai skop penyenggaraan pencegahan yang memadai dan butiran harga kos penyenggaraan yang tidak diperincikan.

Sebenarnya saya rasa Dato' sudah biasa datang ke PAC ya. Jadi Dato' sudah tahu apa ia punya prosedur. Cuma, apabila kami hendak bincang pasal hal ini, timbul dalam pemikiran kami, ada tidak kaitan kelemahan mesin pengimbas ini dengan isu pegawai Kastam didakwa dalam mahkamah mengenai kejadian rasuah yang juga melibatkan pintu masuk pelabuhan ke negara kita. Jadi tertanya-tanyalah sama ada, ada kaitan ataupun tidak di antara isu ini dengan isu pendakwaan pegawai-pegawai Kastam di pelabuhan tersebut berkenaan dengan rasuah.

Jadi kalau boleh, Dato' cuba terangkan juga apa langkah-langkah yang diambil untuk menambahbaikkan lagi pengurusan, bukan sahaja mesin pengimbas ini tetapi secara keseluruhan di pelabuhan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kastam untuk hendak menambahbaikkan dari segi peralatan dan juga dari segi SOP untuk mengelakkan ketirisan berlaku di pelabuhan kita.

Jadi tanpa melengahkan masa lagi, saya minta Dato' untuk memperkenalkan pasukan Dato' dan selepas itu Dato' boleh mulakanlah taklimat kepada kami. Terima kasih.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah Kastam Malaysia]: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam 1Kastam.

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed Rahmat, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC yang berada bersama-sama kita pada pagi ini, pegawai-pegawai kerajaan, seterusnya Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Sebelum saya memulakan sesi penerangan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada pagi ini, Tuan Pengerusi, izinkan saya memperkenalkan dahulu pegawai-pegawai saya yang hadir bersama terutama yang berada bersama saya di hadapan ini. Di sebelah kanan saya ialah Dato' Haji Matrang bin Suhaili. Dia merupakan Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan). Di sebelah kiri saya ialah Dato' Ahmad Nadzri bin Embong, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia.

Sebelum itu Tuan Pengerusi, saya ingin juga sekali lagi menyampaikan ucapan terima kasih kitalah atas lawatan PAC ke Pusat Pemprosesan GST kita pada 15 hari bulan yang lalu. Kita sebenarnya sangat teruja dengan lawatan tersebut. *It is actually has increased our level of confidence in implementing GST.* Terima kasih banyak-banyak kepada PAC yang telah memberikan keyakinan kita mengenai pelaksanaan GST.

Okey Tuan Pengerusi, di kesempatan ini, kalau boleh saya ceritakan sedikit latar belakang- *to the next slide, please.* Secara umumnya, JKDM merupakan sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk memungut cukai tidak langsung negara. Apabila kita sebut cukai tidak langsung, ini adalah meliputi seperti duti import, duti eksport, cukai jualan dan duti eksais. Duti eksais ini pula terbahagi kepada dua iaitu eksais tempatan dan juga eksais import, cukai perkhidmatan dan juga levi. Cukai perkhidmatan dan cukai jualan akan berkubur pada 1 April 2015 dan akan digantikan dengan GST. Masih lagi ia merupakan tanggungjawab Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Kedua, yang juga penting ialah memberi fasilitasi kepada sektor perindustrian dan perdagangan serta memastikan pematuhan undang-undang yang ditadbir oleh JKDM.

Sebelum itu, saya juga hendak sebut di peringkat ini untuk berkongsi dengan Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC bahawa sehingga semalam- sebab, kita punya *core business* Jabatan Kastam Diraja Malaysia masih berkisar di sekitar mengutip cukai, seperti cukai yang disebutkan tadi itu. Sehingga semalam, jabatan telah berjaya memungut sebanyak RM28.847 bilion. Kalau dibandingkan tempoh yang sama tahun 2013, kita berjaya meningkatkan pungutan hampir RM1.8 bilion iaitu berbanding dengan tahun lepas, RM27.085 bilion. Itu dari segi prestasi pungutan hasil kita setakat ini. Kita rasakan bahawa kalaulah trend kutipan ini berterusan, *insya-Allah,* kita akan menuju kepada apa yang kita sasarkan untuk memungut hampir kepada RM36 bilion pada penghujung tahun ini. *Okay, next please.*

Itu dari segi kita punya latar belakang dan juga peranan yang dimainkan. Dari segi undang-undang yang kita tadbir, kita ada sebanyak lebih kurang- itulah senarai perundangan yang kita tadbir... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

Akan tetapi yang pentingnya ialah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975, Akta Eksais 1976, Akta Zon Bebas 1990 dan Akta Dadah Berbahaya 1952. Ini merupakan yang *directly* yang kita mentadbir secara terus dan lain-lain akta merupakan kita- oleh kerana Kastam merupakan agensi barisan hadapan, kita juga terlibat di dalam pelbagai akta yang ada di dalam negara ini. Penting pada masa ini yang kita juga berperanan secara tetap ialah mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan atau AMLATFA. Ini merupakan satu akta yang begitu *powerful*, yang boleh digunakan dalam usaha kita ke arah hendak mencegah orang-orang kalau hendak melakukan sesuatu yang tidak betul dalam negara. Terakhir dan terkini, sepertimana yang saya sebutkan tadi, bahawa kita akan melaksanakan GST mulai 1 April 2015 dan Akta GST ini pun sudah digazetkan dan diwartakan pada 19 Jun yang lalu dan kini tunggu untuk dilaksanakan.

Di peringkat ini juga kalau boleh saya sentuh sikit, Tuan Pengerusi, bahawa semasa lawatan PAC ke pusat pemprosesan data kita hari itu, saya menyebut kita sudah pun mempunyai 90,374 pendaftaran dalam GST. Hari ini ingin saya sebutkan untuk makluman, kita sudah berada di dalam sistem sebanyak 107,511 *registrant* ataupun *businesses* dalam sistem GST.

Tuan Pengerusi: Dalam masa dua minggu tambah 10,000?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Tambahan 10,000 lebih. *Insya-Allah*, kalau trend ini berterusan, kita punya *target by the end of the year* untuk mendapatkan 200,000 ke 250,000 saya rasa tidak jadi masalah sebab *the average increased* ataupun kadar pertumbuhan purata pada hari-hari bekerja tidak kurang daripada 2,000 pada masa ini. *Next, please.*

Seterusnya Tuan Pengerusi, dari segi latar belakang juga, bahawa salah satu usaha JKDM dalam memberi fasiliti kepada sektor perindustrian dan perdagangan ialah untuk mempercepatkan pelepasan barangan yang diimport dan dieksport dari kawalan Kastam selaras dengan ketetapan *Revised Kyoto Convention.* Malaysia merupakan *signatory to this Revised Kyoto Convention* (RKC) sejak tahun 1965. Kita mempunyai obligasi di dalam konvensyen ini yang mana kalau di peringkat WCO, penetapan dibuat bahawa dari segi pelepasan dagangan, seboleh mungkin 90% ia mesti dalam keadaan *direct release*, 15% yang di dalam kawalan *documentary*, yang mana 5% kalau kita hendak adakan *physical examination, this* 5%, ini yang kita buat dari segi *physical examination,* ini dibuat mesti melalui satu proses apa yang kita panggil *risk analysis* ataupun *risk assessment* yang kita gunakan untuk kita hendak *target* mana-mana kargo yang memerlukan kita membuat *physical examination* yang 5% tersebut.

■1150

Penggunaan mesin pengimbas adalah diperlukan untuk mengurangkan pemeriksaan fizikal ke atas barangan yang diimport dan dieksport bagi mempercepatkan perlepasan barangan berkenaan daripada kawalan kastam.

Ini tidak bermakna apabila kita imbas segala dagangan ini, pedagang-pedagang ini tidak tertakluk kepada pemeriksaan fizikal atau *physical examination* atau PE seratus peratus. Walaupun kita imbas, kita masih mempunyai kuasa untuk meminta pedagang ini membukakan kontena mereka. Akan tetapi, ini kalau kita laksanakan untuk semua kargo kita, akan menimbulkan kerumitan sebab kalau hendak saya sebutkan di sini bahawa pada tahun 2013 sahaja, daripada segi TEU atau *twenty-foot equivalent units of container* yang kita uruskan melalui semua pelabuhan di Malaysia ini adalah lebih kurang 21 juta yang kita laksanakanlah.

Tuan Pengerusi: Item kah, tan, berat?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ini 20 *footer container.*

Tuan Pengerusi: Kontena sahaja.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kontena, *number of container* yang kita uruskanlah di kesemua pelabuhan dan majoritinya, *of course,* di *Port Klang* lah sebanyak 49%.

Kalau saya boleh terus kepada pengurusan mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia sepertimana yang dibangkitkan dalam Laporan Audit Siri Kedua Tahun 2013 bahawa fungsi mesin pengimbas ini ialah untuk memastikan bahawa jenis barang yang diimbas adalah sepertimana yang di ikrar dan keduanya, mengesan barangan atau barang berisiko tinggi daripada memasuki negara dan ketiganya ialah untuk mengekang kepada aktiviti-aktiviti yang bertujuan menyeleweng cukai atau penyeludupan.

Macam semalam pun, kita berjaya mengesan di KLIA dadah yang begitu banyak nilainya dan ini semua kita dapat melalui *scanning facilities* yang kita ada di kargo dan juga di bahagian penumpang. Macam kes penumpang itu kita berjaya mengesan penumpang daripada negara China yang masuk dan apabila kita *scan* bagasi dia, kita mendapati dadah tersorok di dalam bagasi yang direka khas di dalam beg tersebut. Juga yang kita dapat di pusat kargo KLIA, ia berselindung di sebalik satu alamat yang tidak wujud di Malaysia dan apabila kita membukanya dan *scan* menggunakan *facilities scanning* yang kita ada di pusat itu, kita mendapati ada *metaphathamine* di dalam tin-tin yang dibungkus khas itu.

Ini Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat ialah jenis-jenis mesin pengimbas JKDM yang kita ada. Ini yang jenis kargo... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Jenis kargo ini kita ada beberapa jenis. Salah satunya *drive-thru* dan keduanya kita ada portal. Portal ini samalah dengan *drive-thru.* Kita ada juga yang jenis *gantry* dan *relocatable.* Akan tetapi *relocatable* ini mesin yang agak *outdated* dari segi penggunaan sebab ia agak rumit dari segi penggunaan. Dan yang sangat popular pada masa ini yang kita gunakan di BSI dan juga di Port Klang ialah jenis *drive-thru* yang mana mesin ini apabila kita tentukan dari segi keupayaan dia, kita kena pastikan bahawa setiap jam mesin ini sepatutnya berupaya untuk mengimbas tidak kurang daripada 150 unit kontena *per hour.* Ini yang sedang kita lakukan. *Next.*

Ini jenis-jenis yang bentuk bagasi... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Kalau sesiapa melepasi kita punya *airport* apabila balik dari luar negara, inilah jenis-jenis *scanner* untuk bagasi yang kita ada di semua *airport* antarabangsa kita dan juga *airport-airport local* pun ada juga bagasi-bagasi seperti ini, serta ada juga mesin bagasi di pusat *mail courier* kita mesin bagasi tersebut. Ini jenis pengimbas untuk mengimbas beg-beg yang dibawa oleh penumpang. *Next one.*

Ini adalah merupakan mesin pengimbas untuk badan... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Beberapa unit pengimbas badan yang kita ada sekarang ini iaitu terletak di KLIA, *main terminal building* kita ada dua unit pada masa ini dan satu unit lagi kita akan pasang di KLIA yang baru dan dua unit lagi ialah di *Harbour City, Port Klang.* Mesin-mesin ini kita gunakan untuk mengimbas mana-mana juga suspek yang masuk ke dalam negara, mereka akan terpaksa melalui *facility* untuk mengimbas badan ini. Kita mendapat kes-kes yang mana kalau katakan mereka itu menelan dadah dan menyimpannya dalam badan, mesin ini akan dapat mengesan dadah-dadah yang ditelan dan disimpan di dalam badan dan apabila sampai ke sini...

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ini dadah ya. Daripada segi jumlah semasa mesin pengimbas kargo dari tahun 2010 hingga 2014 ialah sebanyak 16 jenis kargo, 87 jenis bagasi dan lima jenis *scanning* badan. Jumlah keseluruhannya 108 unit mesin pengimbas yang kita ada di dalam jabatan.

Tuan Pengerusi: Dia punya nilai berapa ya?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Nilai keseluruhannya untuk mesin pengimbas kargo berjumlah RM183 juta. Semua sekali, total keseluruhan ialah RM183 juta. *Next.*

Ini model daripada syarikat penyelenggara mesin pengimbas kargo yang kita ada di JKDM Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Sekali lalu kalau sepintas, kita ada di BSI dua unit, ada di Bangunan Sultan Iskandar. Di BSI ini kita ada dua *site*, eksport pun kita ada, di bahagian import pun kita ada, semua dua-dua unit. Kita ada di Selangor, satu unit di Pelabuhan Utara. *And then* kita ada di NBCT Pulau Pinang, kita ada di Pelabuhan Sepanggar di Sabah, Tanjung Pelepas dan Pasir Gudang di Johor.

This one Tuan Pengerusi ialah Pelabuhan Utara di Selangor, di Pelabuhan Barat... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Di Port Klang ini kita ada tiga pelabuhan iaitu utara, barat dan *West Port*, Pelabuhan Barat. Di Padang Besar, Perlis, kita ada satu serta di Tanjung Kupang dan ini mungkin yang menjadi isu dan dibangkitkan oleh sebuah akhbar tempatan baru-baru ini dan saya ada penjelasan untuk hal ini *after this.* Ketiganya di Pulau Pinang, ada juga di Pelabuhan Bagan Dalam dan di Selangor kita ada di Pelabuhan Barat.

Jumlah bagi perolehan baru pula yang sedang dirancang ini ialah bagi peralatan baru projek KLIA2, pemasangan tahun inilah.

In fact, yang ini sudah siap dipasang sebanyak sepuluh unit di KLIA2 sebab ini keperluan KLIA2 dibuka, terus kita mesti mempunyai mesin ini dan sebab itu kita, untuk badan dan bagasi pun ada. Proses perolehan semasa untuk penggantian mesin pengimbas kargo iaitu sekarang ini di peringkat penyediaan tapak dan pemasangan tahun 2014 dan 2015. Di Pasir Gudang, kita akan gantikan dengan Tanjung Kupang. Tadi saya ada menyebut Tanjung Kupang. Sebenarnya Tanjung Kupang itu kita sebenarnya sebelum dibangkitkan oleh akhbar-akhbar tempatan, memang perancangan kita untuk menggantikannya sudah ada dan sekarang ini pun pemasangan sedang dilakukan dan *insya-Allah* akan boleh diguna pakai pada penghujung tahun ini. Kita juga akan memasang satu unit di Butterworth dan di Bukit Kayu Hitam. Di Bukit Kayu Hitam juga keperluan agak mendesak untuk kita mempunyai *scanning facilities* di Bukit Kayu Hitam.

The next one untuk tahun 2015, kita juga merancang untuk membuat perolehan lapan lagi mesin kargo iaitu untuk Pelabuhan Barat *Port Klang*, Pelabuhan Utara *Port Klang*, Butterworth (NBCT) dan Tanjung Kupang. Di Pelabuhan Utara *Port Klang* itu kita bercadang untuk memasang tiga unit manakala di Pelabuhan Barat juga sebanyak tiga unit. Ini kita sedang menguruskan perolehan yang sedang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Perolehan pakai tenderlah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Perolehan ini melalui perolehan rundingan terus.

Tuan Pengerusi: Rundingan terus ya. *Pre-qualification* kah ataupun lantik sahaja?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Macam mana itu?

Tuan Pengerusi: *Pre-qualification* ataupun lantik sahaja?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Lantikan terus, rundingan terus.

Tuan Pengerusi: Tahu, tahu. Ia kadang-kadang ada *quotation*, ada *prequalification* daripada segi teknikal untuk mesin ini, selepas itu baru buat rundingan terus.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ada, ada. Ada proses-proses kita menentukan spesifikasi, semua ditentukan.

Tuan Pengerusi: Bukan lantik sahaja...

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Tidak, tidak..

Tuan Pengerusi: ...Lantikan terus tidak ada ya.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tidak ada ya.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kita ada *spec* nya dan syarikat yang memenuhi *spec* berkenaan. Macam sekarang ini, kita punya keperluan dari segi keupayaan mesin ini mesti keupayaannya dari segi *powers source*nya iaitu mega *electron volt* ini tidak kurang daripada 6MeV sebab 6MeV yang saya sebutkan ini ialah berkeupayaan untuk menembusi tebal dinding kontena yang dianggarkan lebih kurang 300mm. *So* kalau keupayaannya itu kurang daripada itu, kita tidak akan memberi.

■**1200**

Tuan Pengerusi: Maknanya ia macam *invited quotation* lah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Proposal.*

Tuan Pengerusi: *Proposal* daripada syarikat-syarikat?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Syarikat.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi tidak ada perbandingan?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ada dua syarikat yang masuk.

Tuan Pengerusi: Oh, dia tidak banyak syarikat. Dalam dunia tidak banyak syarikatlah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Bukan satu sahaja, ia dua.

Tuan Pengerusi: Oh, okey. Satu lagi, dari segi *maintenance service,* apa semua itu, dia dalam korporat kita panggil *total cost ownership.* Maknanya, bila kita *negotiate* kontrak itu masuk sekali dengan *maintenance* punya kontrak dan sebagainyalah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Perolehan masa ini kita lakukan yang mana *the first two years* di dalam waranti. Akan tetapi, *maintenance* akan bermula selepas tamatnya tempoh waranti.

Tuan Pengerusi: Kastam tidak runding sekalilah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi: Maknanya selalunya kalau mesin ini hayat dia sepuluh tahun, maknanya... Selalunya di luarlah, di korporat, kita *negotiate* 10 tahun dengan syarikat, sekali dengan *maintenance* semua.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kita tidak *negotiate* dengan *maintenance* terus.

Tuan Pengerusi: Tidak ya? Beli, selepas itu *maintenance contract negotiate* kemudian?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Yes,* kemudian.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Next, please.* Okey, ini dari segi prestasi mesin pengimbas kita, Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Iaitu pada tahun 2013, kita mengimbas 1,750,395 yang mana kita berjaya dari segi menyelamatkan cukailah. Sebentar tadi ada yang sebut pasal pengikraran tidak betul dan sebagainya itukan. *So* kita berjaya menyelamatkan cukai itu lebih kurang RM7.7 juta.

Dari segi bagasi itu nampaknya banyak. Memang bagasi ini semua orang yang melalui Unit Kawalan Penumpang (UKP), kita memang memerlukan mereka mengimbas bagasi-bagasi mereka walaupun kadang-kadang kita lalu ada *red lane* ataupun *green lane.* Akan tetapi tidak semestinya orang yang lalu *green lane* ini tidak boleh kita arahkan dia untuk mengimbas. Kita boleh mengimbas.

Jadi dari segi cukai yang diselamatkan dan cukai yang dikutip, sebenarnya RM11.5 juta, sebab ini yang kita kutip sebenarnya bila- kalau katakan mereka tidak imbas pun, mereka lalu dan *declare,* kita akan ada jumlah kutipan cukai yang berlaku.

Akan tetapi oleh sebab kita katakan bahawa kita hendak pastikan barangan yang dibawa itu tidak ada barangan larangan, maka mereka mengimbas dan daripada imbasan itu kita membuat kutipan cukailah. Ada yang barang-barang bercukai.

Tahun 2014, kita imbas setakat ini sehingga September ialah 1.3 juta yang diimbas melalui kargo dan cukai yang diselamatkan adalah RM9.3 juta. Ini daripada operasi kita bahawa kalau yang tidak betul *declaration* ataupun tidak *declare* barang yang bercukai, *under value* dan sebagainya, inilah jenis-jenis kutipan yang kita buat.

Dari segi bagasi itu, kalau kita nampak, walaupun sehingga September kita ada mengimbas sudah 29 juta lebih daripada apa yang kita buat tahun lalu, tapi kita kena ingat bahawa tahun ini ialah Tahun Melawat Malaysia, ramai orang datang ke Malaysia. Jadi kita tidak kecualikan juga orang yang melawat. Kalau mereka lalu dan kita suspek *something,* kita minta mereka mengimbas. Itu nampak dari segi ketaranya meningkat walaupun sehingga September kita sudah mengimbas 29 juta.

Ini semua import masuk kita, pelabuhan-pelabuhan masuk terutamanya jalan udara. Setakat ini kita sudah pungut lebih kurang RM10 juta melalui kita punya Unit Kawalan Penumpang. *Next.*

Ini statistik bilangan kes dan nilai dadah yang kita rampas melalui mesin-mesin pengimbas kita. Tahun 2013 kita peroleh 66 kes dan nilai dari segi barang dadah ini lebih kurang RM61 juta. Makna kata, cukainya terlebih. Ada lebih daripada inilah dari segi nilai cukai. Akan tetapi sehingga September 2014 ini, kita sudah mendapat 27 kes termasuk yang semalam yang saya sebutkan itu. Nilai rampasan kita lebih kurang RM27.347 juta.

Because modus operandi ini Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, berbagai-bagai. Macam contoh yang macam tahun 2013, ini yang selalu menjadi rujukan saya, iaitu mereka membawa masuk ubi kentang, penuh dengan ubi kentang dari satu destinasilah, dari luar, tetapi di bawah sekali di hujung kontena ini- yang ini *40 footer, 40 footer* ini depan ini semua penuh dengan ubi kentang tetapi nun hujung di sana yang di belakang ini, kalau kita katakan kita buka sahaja memang tidak nampak di belakang. Akan tetapi *scanning facility* kita boleh *detect* dan itu lebih daripada 100 kilo dadah ada dalam bersama-sama dengan ubi kentang itu yang kita rampaslah. Itu berbagai-bagai modus operandilah. Kalau kita tidak ada *facility* ini, kemungkinan kita tidak boleh hendak *detect.*

Begitu juga dari segi barang-barang berbahaya ini, kita juga mempunyai rangkaian *intelligence* kita tersendiri. Macam di Asia Pasifik, kita ada *Regional Intelligence Liaison Offices* (RILO) yang berpusat di Korea. *So,* kita *member to this. In fact, this year* Tuan Pengerusi, sehingga tahun 2016, Malaysia merupakan *Vice Chair for the WCO for the Asia Pacific Region.* RILO dan semua ini adalah merupakan kita punya *close contact*lah *because this RILO Office will come directly under the prevue of* kita punya- sekarang ini *Chairman* itu Malaysia, *so we are in control. Then,* banyak maklumat kita bertukar-tukar dengan RILO ini dari segi mendapatkan maklumatlah terutamanya yang dari segi dadah dan juga kawalan-kawalan barang di bawah CITES.

CITES seperti yang selalu kita sebut ialah tanduk gajah, kayu *red sanders* dan sebagainya yang memang merupakan barang-barang terlarang yang tidak boleh dibawa masuk ke dalam negara.

Tuan Pengerusi: Senjata api?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Senjata api.

Tuan Pengerusi: Pasal apa, di Malaysia sekarang ini orang sudah boleh pakai bom tangan sudah sekarang ini.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Bom tangan itu mesti datang daripada sumber negara lain.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Mungkin boleh masuk berbagai-bagai cara sebab kita punya *border* agak panjang. Kalau melalui *scanning facility*- kita punya *scanning facility* kita berupaya untuk hendak *differentiate between organic, inorganic* dan juga *metal.* Akan tetapi kalau senjata, pistol misalnya, tergantung di dalam dinding kontena, kita nampak jelas bentuk pistol tersebut.

Tuan Pengerusi: Kalau dibuka tidak nampaklah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kalau dibuka tidak nampaklah. Kalau *parts* disambung-sambung tidak nampak. Akan tetapi kita boleh *detect* juga dari segi walaupun sekecil-kecil mana yang ada dalam itu. Akan tetapi kalau pistol atau senapang sebagai sepucuk senapang, kalau tergantung di dinding kontena memang jelas.

Tuan Pengerusi: Isu sekarang ini yang timbul ialah masalah senjata apilah yang senang untuk diperoleh di Malaysia.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Betul.

Tuan Pengerusi: Jadi pintu masuk, dia orang kata dari Thailand. Adakah itu menjadi masalah yang besar jugalah? Pasal apa, *border* Thailand kita tidak semuanya *border* jalan, ada juga *border* hutan dan sebagainya.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Sepanjang Sungai Golok, sepanjang- banyaklah, Rantau Panjang dan sebagainya itu merupakan kawasan-kawasan yang kemungkinannyalah masuk. Oleh sebab itu, kita ini, keupayaan mengimbas kita hanya berlaku di *only legal landing place.* Kawasan-kawasan yang kita gazetkan sebagai tempat pendaratan sahlah. Akan tetapi kalaulah ada juga yang masuk melalui cara lain, itu merupakan satu cabaran kepada pihak penguatkuasaanlah. Bukan sahaja Kastam tetapi juga lain-lain agensi penguatkuasaan yang menjaga sempadanlah.

Tuan Pengerusi: Ini soalan *sideline* lah. Dadah atau barang yang dirampas ini, apakah yang dibuat oleh Kastam selepas barang ini dirampas? Adakah ia disimpan sebagai bukti atau adakah ia dilupuskan atau adakah ia dijaga dengan baiklah dan tidak hilang selepas itu?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kita ada di satu unit khas di bawah kita punya jabatan yang dipanggil Unit Narkotik yang terletak di Kampung Jijan, Negeri Sembilan.

Dadah-dadah yang kita rampas ini sebenarnya apa yang kita lakukan ialah sama ada apabila kes sudah selesai- dan di sana kita ada bilik kebal semuanya dari segi penyimpanan. Apabila kes ini selesai, kita gunakan dadah ini, nombor satu, kita musnahkan. Ada cara pemusnahannya. Keduanya kita gunakan ini untuk latihan pegawai. Ini kerana latihan kita perlu *from time to time,* melatih anjing-anjing kita ini yang kita punya *Dog Unit,* K9 ini. Kita kena pelbagaikan hiduan dia untuk pelbagai jenis dadah. Ketiganya untuk pameran-pameran. Bila kita ada pameran, kita pamerkan supaya ada kesedaran kepada pihak rakyat supaya jangan terjebak dengan najis dadah. Itu yang kita buat. *Next.*

Statistik bilangan kes senjata api yang dirampas, saya sudah sebutkan tadi, kita ada- tahun 2013 sebanyak 23 kes dan sehingga sekarang ini bulan September yang lepas, kita sudah ada lima kes. *Next.*

Okey, *now* kita pergi kepada penemuan Audit Siri 2. Pada tahun 2013, Jabatan Audit mendapati bahawa pengauditan ke atas pengurusan mesin pengimbas kargo telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan oleh kerajaan.

■1210

Kedua, JKDM telah mengambil kira amalan terbaik, *World Customs Organization* dalam memperoleh mesin pengimbas dari pengeluar jenama yang mempunyai *track record* organisasi yang terbukti berkesan ataupun *proven track record.* JKDM juga memenuhi dasar perolehan kerajaan dari segi Dasar Pemindahan Teknologi untuk perolehan mesin pengimbas kargo jenis *PowerScan.*

Keempat ini, ini bukanlah apa yang ditulis Jabatan Audit Negara. Saya hendak tambah di sini bahawa ini adalah merupakan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) punya pendapat bahawa JKDM telah memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan tenaga Atom bagi memperoleh lesen untuk mengurus dan menggunakan mesin-mesin pengimbas.

Saya juga ingin menyebutkan di sini bahawa kita juga dari masa ke semasa mendapat-sekarang ini kita macam menjadi trans-sektor dari segi pengurusan mesin pengimbas sebenarnya. *Even* Jabatan Polis Diraja Malaysia minta kita membantu dari segi melatih pegawai-pegawai mereka. Kita pun sudah melatih pegawai-pegawai JKDM. Juga, ada macam Jabatan Laut hendak beli mesin pengimbas, dia juga buat rujukan daripada kita dari segi bantuan teknikal. Ini kerana dalam jabatan kita ada pegawai yang dipanggil pegawai sinaran yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Yang lulus peperiksaan oleh LPTA.

Tuan Pengerusi: Boleh percaya lah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Technician*, boleh percaya. *[Ketawa]* Ini kerana, tanpa lesen ini, kita tidak boleh mengendalikan mesin pengimbas.

Dari segi penemuan Audit, kalau boleh saya pergi satu persatu di sini iaitu bahawa daripada 16 unit mesin pengimbas kargo yang sedang digunakan, terdapat dua mesin pengimbas yang mempunyai kadar kerosakan yang tinggi iaitu 11.8% dan 15.6% setahun atau masing-masing tidak berfungsi sebanyak 86 hari dan 171 hari dalam tempoh dua tahun atau tiga tahun.

Jadi di sini saya hendak sebut Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa dari segi kerosakan ini, kadang-kadang apabila satu kerosakan itu berlaku, sebenarnya pada hari berkenaan juga ia diperbetulkan. Akan tetapi oleh kerana ia berlaku pada hari berkenaan seolah-olah dikira sebagai satu hari. Itu apa yang terjadi. Ini kerana kita punya *maintenance* kontraknya ada dua bentuk. Satu *preventive,* satu lagi *corrective.*

So, yang *corrective* ini yang apabila berlaku sahaja kerosakan adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak vendor untuk memastikan ia boleh *up and running* dengan serta-merta sebab mesin-mesin kita terutama yang jenis *drive-thru* yang berada di *Port Klang* dan juga terutamanya di BSI dan pelabuhan-pelabuhan lain ialah mesti beroperasi 24 jam sebab pelabuhan-pelabuhan ini beroperasi 24 jam.

Okey, dari segi tindakan JKDM yang telah kita ambil setelah teguran- kita berterima kasih kepada Audit kerana membuat teguran ini. Dari segi tindakan kita bahawa kesemua mesin pengimbas dalam Jabatan ini mempunyai kontrak penyenggaraan yang kita adakan. Kerosakan boleh berlaku dari semasa ke semasa terutamanya jika mesin tersebut telah lama usianya. Contoh, mesin pengimbas VACIS ini sudah 13 tahun. Ini yang ada di Tanjung Kupang menjadi persoalan yang apabila selalu kita perbaiki... Sekarang ini vendor sudah *surrender* sudah. Sudah hendak tarik diri. Okey, kita kata *fine,* dia kata nak tarik diri. *So*, dia sudah bagi notis. Akan tetapi sebelum kita memberi penamatan, kita dari segi *legal*nya kita bagi dia dua bulan. Kemudian kita akan menamatkan kontrak kepada vendor tersebut dan kita akan buka kepada vendor baru untuk memperbaiki.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tuan Pengerusi, *"Kerosakan yang mengambil masa kerana pihak vendor menghadapi kesukaran mendapatkan alat ganti". How could that be possible* kalau vendor tidak boleh dapatkan?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ini yang masalahnya. Ini yang saya sebutkan tadi, contohnya macam yang Tanjung Kupang itu khususnya, mesin ini sebenarnya diperoleh pada tahun 2005. VACIS ini kita ada dua jenis yang diperoleh pada tahun 2001 dan tahun 2005. Tahun 2001 ini sebenarnya didapati lebih baik daripada tahun 2005, walaupun tahun 2005 punya perolehan itu *suppose to be the upgraded version of* tahun 2001 punya *version*. Akan tetapi mesin pengimbas ini yang ia menjadi masalah besar ialah dari segi dia punya *accelerator, accelerator* yang digunakan.

Tambahan pula, mesin-mesin ini pakai *source* dipanggil *gamma ray*. Oleh sebab itu sekarang ini perolehan-perolehan yang ke hadapan ini kita pastikan bahawa kita pakai *source* ini lagi. Kita mesti gunakan *source* daripada *X-ray* sahaja.

Ini kerana *gamma ray* ini adalah merupakan satu sumber ataupun *source power scanning* yang agak susah dari segi *management* sebab kalau dari segi *a little bit of technical* kalau saya boleh sebut dengan *details* teknikal, saya ada pegawai boleh sebut. Dari segi penggunaannya kalau katakan kita *shut of power supply, gamma ray* masih berfungsi dan ini merupakan satu dari segi teknikalnya tidak bagus terutamanya kepada pegawai yang mengendalikan. Itu sebab kita katakan pada masa ini bahawa perolehan kita mesti berbentuk *X-ray* sahaja yang begitu selamat.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dari segi *effectiveness* samalah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Effectiveness* kita dapati *X-ray* lebih *effective* daripada...

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dalam kontrak ada atau tidak ketetapan mengenai dengan *life span*, yang pertama, dan kedua, *guarantee availability of spare parts for period of time?*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kita ada Yang Berhormat. Bila kita hendak menandatangani kontrak perolehan untuk penyenggaraan, kita pastikan bahawa *the service delivery* itu dia ada. Kalau dia tidak berjaya memberikan servis mengikut apa yang kita sebutkan dalam kontrak, dia ada penalti kepada vendor tersebut. Jadi mungkin sebab itu yang sekarang ini vendor yang ada untuk menyelenggarakan mesin VACIS ini sudah menarik diri dan mengeluarkan surat rasmi, dan kita akan *terminate* dia dalam masa sebulan lebih daripada sekarang.

Jabatan telah mengambil tindakan untuk menggantikan empat unit mesin pengimbas jenis VACIS ini secara berperingkat berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh kementerian. Ini sudah luluskan dan kita akan digantikan VACIS ini sebab sudah lama, sudah 13 tahun. Mungkin peranan dia dari segi *life span* pun, kalau katakan *life span* sesebuah *machine* itu 10 tahun, tapi oleh sebab penggunaan kita ini 24 jam, *it may shorten the life span of the machine* itu. Makna kata macam seolah-olah kita bagi dualah. Patutnya 10 tahun kalau pakai untuk beberapa tempoh satu hari tetapi *this 24 hours* ini sudah *heavy use* kepada mesin itu.

Tuan Pengerusi: Oleh sebab itu saya sebut tadi, sepatutnya Jabatan Kastam membeli mesin ini atas dasar perolehan *total cost of ownership*. Maknanya kita beli penggunaan mesin ini, bukan kita beli mesin itu. Maknanya bila kita beli penggunaan mesin itu, maksudnya kita buat *agreement* dengan vendor kata untuk masa tujuh, lapan tahun atau sepuluh tahun, kita *negotiate* satu *price* harga barang dan harga penyelenggaraan barang-barang tersebut termasuk *spare parts* dan sebagainya, itu dia punya- selepas itu kita *agree* dia punya *price*. Maknanya Jabatan Kastam sekarang ini serahkan tanggungjawab sepenuhnya mesin ini kepada vendor.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Tidak, macam ini Yang Berhormat. Kita beli *machine* ini, *ownership* kita, *fully*. Sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dengan cara TCO ini, kita runding kontrak dengan mereka, maknanya kita macam kita *lease* dengan mereka sahaja daripada kita hendak beli mesin itu simpan, kita pegang aset itu tapi sekarang ini vendor pegang aset itu. Tanggungjawab dia untuk hendak menyelenggarakan mesin ini.

Kalau rosak, kalau dia lambat atau sebagainya, dia yang kena tanggung tanggungjawab tersebut. Ada penaltilah. Maknanya kita sediakan dia punya *service level agreement,* maknanya kena *repair machine* ini secepat mungkin dan sebagainya bukan. Jadi dia kena tanggung, dia kena *sign* kontrak itu. Kalau dia tidak datang *repair machine* ini dalam masa tempoh yang ditetapkan, dia tanggung sendiri.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Makna kata bayaran kepada vendor ini *is actually based on per scan* lah?

Tuan Pengerusi: Tidak.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Bukan maksud macam itu?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dia orang IT, dia faham.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya rasa maksud Tuan Pengerusi adalah bahawa adakah lebih baik jika kita adakan satu *service level agreement* dengan pihak vendor supaya semua tanggungjawab penambahbaikan ataupun *repair* bagi kerosakan yang berlaku adalah tanggungjawab pihak pembekal ataupun vendor walaupun mesin itu memang milik pihak Kastam. *So,* supaya Kastam tidak dipertanggungjawabkan untuk membuat pembaikan ataupun apa-apa apabila perlu dan ada masalah dari segi masa, kemahiran dan lain-lain masalah. *I think it is the service level agreement...*

■1220

Tuan Pengerusi: *I see one step further. Instead of this procurement contract purchase of* barang, *it becomes a lease. That means, they provide the scanning service to you.* Jadi tidak payah risau lagi pasal hendak pegang *ownership scanning machine* itu. Selepas ini kalau pakai *accrual accounting,* hendak kena *depreciate* lah dan sebagainya *machine* itu. Bila diletakkan *service level agreement* macam Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kata tadi, maknanya sekarang ini dia bekalkan *service* hendak *scanning* itu kepada Kastam, dia tanggung semua tetapi Kastam *agree* lah *price upfront* berapa untuk masa tujuh, lapan atau sepuluh tahun kerana memang nampak jelas *machine* ini tidak tahan. Selepas tujuh, lapan, sembilan tahun, dia sudah rosak. Jadi maknanya Kastam sudah tahu satu mesin ini boleh tahan lama itu sahaja, tetapi sekarang ini hendak *costing* berapa banyak kosnya untuk *maintain machine* ini pada jangka masa yang terlibat. Jadi, terus kepada *negotiate* dengan *vendor up front* untuk berapa dia punya kos. Terima kasih.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi atas cadangan itu. Kita akan *explore further on the* apa yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi PAC. *Next, please.*

Keduanya ialah mengenai- Dari segi vendor pula, pihak vendor- berkaitan dengan isu pertama tadi. Pihak vendor telah mengambil tindakan antaranya dengan menggantikan *Data Set Management Server* atau DMS yang baru pada 13 Januari yang lalu. Pihak vendor juga telah menempatkan seorang juruteknik di Pelabuhan Klang ini. Makna kata dia ada di situ sentiasa.

Orang ini, juruteknik ini, apabila berlaku sebarang kerosakan sahaja, pegawai kita terus beritahu dia, *then* dia akan *repair immediately.* Ini penambahbaikan yang kita buat hasil daripada teguran Audit dan kita *imposed this condition* kepada vendor untuk mengadakan perkara ini dan mereka bersetuju.

Next one, Yang Berhormat, ialah mengenai penemuan Audit tentang terma kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo tidak mempunyai skop kerja penyenggaraan pencegahan yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci tidak disediakan mengikut skop kerja.

Kita telah pun memaklumkan kepada Jabatan Audit dan sepertimana yang telah tertera di dalam Laporan Audit bahawa jabatan telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan kepada syarat kontrak bagi memperkemaskan pengurusan penyenggaraan mesin pengimbas. Dalam kontrak penyenggaraan mesin pengimbas dengan Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd., sebanyak 30 item telah dimasukkan ke dalam skop kerja penyenggaraan bulanan dan 60 item ke dalam skop kerja tahunan penyenggaraan mesin pengimbas. Ini tambahan-tambahan baru. Jumlah kos bulanan dan tahunan penyenggaraan juga telah dinyatakan di dalam kontrak berdasarkan skop kerja di atas seperti *man hours*, lokasi mesin dan kos *professional workmanship* apabila mereka memberikan perkhidmatan. *Next, please.*

Pada bulan Ogos 2013 yang lalu, syarikat ini telah membuat penambahbaikan bagi mengatasi beberapa masalah yang dikenal pasti punca kerosakan seperti berikut:

(i) *Upgrading* sistem *Software Image Analysis*;

(ii) menggantikan sistem *Optical Character Recognition* (OCR);

Ini bertujuan untuk membaca nombor lori dengan apa yang ada di...

Tuan Pengerusi: *Scan* nombor platlah ini?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Nombor plat. *Yes.*

(iii) mengadakan latihan bagi pegawai mengenal pasti *troubleshooting* dan memperbaiki kerosakan yang kecil-kecil; dan

Yang ini kita melatih dalaman juga. Kadang-kadang kerosakan itu boleh dibuat oleh pengendali itu sendiri tetapi oleh kerana hendak menunggu vendor ini datang, kadang-kadang *the distance* itu, contohnya hendak pergi ke *Port Klang* itu kalau waktu sekarang memang terlalu mendesak dari segi kesesakan dan sebagainya, jadi kita latih orang kita juga, *minor problem*, kita minta orang kita *handle the situation.*

(iv) menyediakan perkhidmatan juruteknik yang akan *standby* 24 jam untuk kerosakan.

Tuan Pengerusi: Ini Kastam punya juruteknik ataupun *supplier*?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Yang ini juruteknik daripada syarikat vendor.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini yang di antara vendor-vendor yang membekalkan kepada Kastam, mana yang ada *local present* yang ada dia punya *local service centre* nya, ada dia punya *local staff* untuk *service*?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Sekarang ini yang Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd. lah.

Tuan Pengerusi: Dia bekal mesin apa?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *PowerScan.*

Tuan Pengerusi: Tadi ada tiga, bukan? Mesin dari US, mesin dari China dan mesin dari Jerman.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Jerman, ya.

Tuan Pengerusi: Yang *power tech* ini apa?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *PowerScan.*

Tuan Pengerusi: *PowerScan* ini mesin mana?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Mesin China, ya?

Tuan Pengerusi: China ya. Dia ada *local presentation* di sinilah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Sekarang ini *in fact, this one* dari segi *in term of transfer technology, they are going to* membina mesin itu di negara kita. Dia sudah pun buka kilang di Johor. Itu yang diberitahu.

Tuan Pengerusi: Jadi Kastam *favor* merekalah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Bukan, kita tidak *favor* juga *because* kita fikirkan dari segi *transfer technology* lah.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Tanya saja. Terima kasih.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Favor* pun kalau tidak berkeupayaan, tidak boleh *favor*, Tuan Pengerusi. Kena orang yang berkeupayaan baru kita boleh *favor*.. *[Ketawa]* Bagi *favorable* kepada orang yang tidak berkeupayaan, akan rosak.

So next one, Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut di sini bahawa sehingga tahun 2014 ini, didapati tahap penggunaan mesin-mesin pengimbas kargo jenis Smiths Heimann dan juga NUCTECH dari China ini lebih 90%. Ini sejajar dengan apa yang...

Tuan Pengerusi: Sebanyak 90% kalau dari segi *physical unit* dia berapa? Agak-agak yang mereka *handle.*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Dari jumlah keseluruhan?

Tuan Pengerusi: Kalau katakan satu mesin dekat CIQ berbanding dengan satu mesin dekat *Port Klang*, satu hari- 90% ini berapa *actually* jumlah bilangan yang sebenar?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Yang diimbaslah?

Tuan Pengerusi: Ya, yang diimbas.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ada atau tidak?... *[Bertanya kepada pegawai berkaitan]*

Tuan Pengerusi: Hendak tahu kapasiti mesin ini.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Yang ini berkaitan dengan hari beroperasi, 90%. Makna kata ada yang rosaklah sekarang ini.

Tuan Pengerusi: Satu hari berapa jumlah bilangan lori yang di *scan*?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Nanti saya dapatkan bantuan teknikal sikit.

Tuan Pengerusi: Tolong carikan.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Nanti kita akan *come back...*

Tuan Pengerusi: Hendak dapat idea ini apa yang orang kata berapa jumlah lori yang di *scan* satu hari.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Nanti saya bagi. *Next one, please.*

Isu ketiga yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara ialah apabila sesuatu kes kemalangan berlaku, tindakan pegawai kastam adalah bergantung kepada inisiatif pegawai berkenaan kerana SOP tidak ada. Okey, kita sudah pun mengambil perhatian atas perkara ini. SOP Tatacara Aduan/Laporan Kerosakan Mesin Pengimbas Jabatan telah dikeluarkan kepada semua pejabat Kastam negeri pada Ogos 2014.

Ini sebenarnya Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kejadian-kejadian langgar ini sebab, kadang-kadang saiz lori besar, dia pun cuba hendak lalu. Ada juga yang kita dapati *purposely make sure* dia kena dekat tepi dinding kita. Macam-macamlah perangai pemandu-pemandu ini. Itu sebab kes yang berlaku di *Port Klang* itu pun kita sebenarnya menuntut melalui perundangan.

Dato' Ahmad Nadzri bin Embong [Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Daripada insurans.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kita minta kepada insurans dia itu bayar balik ganti kepada apa yang dirosakkan oleh mereka. Ini dari semasa ke semasa berlaku dan kita sudah bagi *straight standing instruction* kepada pegawai bahawa kalau ini berlaku, tindakan satu, dua, tiga dan empat sudah ada. Mereka tahu apa tindakan hendak dibuat.

Tuan Pengerusi: *Immediately manual check* lah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Manual check.*

Tuan Pengerusi: *Immediately manual check* lah ya.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Yes, that one will trigger manual check.*

Tuan Pengerusi: Okey, tetapi Kastam ada atau tidak pergi *educate*? Saya tahu hendak *educate* pemandu lori ini bukan senang tetapi *educate* syarikat lori ini dan juga pemandu lori ini untuk isi lori mereka ikut spesifikasi *scanner* ini sendiri. Kalau dia *pack* lori dia ikut satu spesifikasi... *[Disampuk]* Kami punya *suspicion* lah bahawa pemandu lori ini sengaja dia *pack* lori itu untuk terkeluar daripada rangka lori itu supaya bila masuk dalam mesin ini...

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Terkena dinding.

Tuan Pengerusi: ...Terkena dinding dan kalau mesin ini tidak di*repair* dua tiga hari, seminggukah kerana kerosakan yang berat, maknanya selepas itu nanti lori lain akan- semua lori akan terpaksa dilalukan dalam laluan manual. Selepas itu, dekat manual itu boleh berlakulah tutup mata, tutup satu mata, dua mata dan sebagainya oleh pegawai-pegawai Kastam. Ini kita punya *suspicion*lah. Bukannya tuduhan yang kita ada bukti tetapi kadang-kadang bila satu perkara itu berlaku, kita fikir begitulah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Saya pun harap tidak berlaku begitu, Tuan Pengerusi, sebab lorong untuk memasuki *scanner lane* ini *actually international standard.* Mana-mana negara pun, sebab, mesin itu di *design* bukan untuk katakan keperluan satu-satu negara sahaja. Dia memenuhi standard antarabangsa. Jadi apabila lorong-lorong itu sebegitu rupa, kadang-kadang kalau macam contohlah di Johor Baru, eksport hendak masuk ke *Singapore*, kalau- saya rasa Tuan Pengerusi tahu, saya tak payah jelaskan...

■1230

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Dengan kadang-kadang kalau lewat sikit, dia honnya bisingnya begitu rupa, *you know.* Kadang-kadang tidak terkawal juga kita. Jadi itu yang kadang-kadang apabila dia berebut-rebut itu, ada yang panjangnya lori, *you know,* yang tayar 20 lebih ini dia terlanggar dinding itu. Apabila terlanggar dinding *scanning* ini, akan melibatkan keupayaan mengimbas itu. Jadi sekarang ini kita sudah mengambil langkah-langkah yang mana kita letakkan dari ia punya *speed blacker* itu supaya ia tidak laju sangat, dia kena tunggu lampu baru masuk *rather than* dulu dia masuk apabila- kadang-kadang lampu merah pun dia terus masuk.

Tuan Pengerusi: Yang saya tahu kalau dia langgar mesin itu, *calibration* ia akan lari.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ya, ia akan lari. Ia akan lari, betul.

Tuan Pengerusi: Tidak, ini soalan tambahan. Ada mengena tidak dengan pegawai Kastam yang didakwa dalam mahkamah sekarang ini?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Saya rasa tidak...

Tuan Pengerusi: Tidak ada ya? Isu mengenai mesin pengimbasan ini, apa semua ataupun perkara-perkara ini boleh berlaku, oleh kerana kelemahan ini, ada kena-mengena dengan pendakwaan pegawai kastam dalam mahkamah sekarang ini?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Apa yang berlaku baru-baru ini, kami dalam jabatan panggil ia tsunamilah. Tsunami kecil yang berlaku dalam jabatan dan kita mengambil perkara ini begitu serius sekali untuk melihat balik kita punya, sepertimana yang selalu saya sebut, bahawa SOP kita dan sebagainya.

Apa yang berlaku ialah sebenarnya fokus kepada PKFZ, *Port Klang* sahaja. Apa yang berlaku ialah barang-barang dagangan yang masuk melalui *West Port* atau *North Port*, ia akan memasuki ke PKFZ.

Pada masa ini, barang yang masuk ke PKFZ ini *actually* ia tidak melalui kawalan Kastam, sebab daripada *West Port* atau *North Port* itu, ia terus boleh pergi ke PKFZ. Ini kerana PKFZ juga merupakan zon bebas. *West Port* juga Zon Bebas. *So*, pergerakan itu dari *West Port* kepada PKFZ menggunakan borang yang dipanggil ZB1 iaitu Zon Bebas 1. Dari segi kastam, kita tidak ada kawalan sebab kawalan kepada zon bebas ini ialah *zone authority*.

Jadi sekarang ini, kita sedang mengusahakan pemindaan, pindaan kepada Akta Zon Bebas ini supaya *customs now will have direct access to PKFZ. This is what we are doing. In fact,* perkara ini *insya-Allah* akan berlaku dalam masa yang terdekat, untuk kita dapat mengawal secara terus. Di bawah Akta Kastam kita sekarang ini, cumanya kita ada diberi sedikit kuasa. *If we have reason to believe reasonable cause*, katakan sesuatu yang tidak kena di dalam itu berlaku, sebab dalam itu ada 70 gudang...

Tuan Pengerusi: *Bonded warehouse.*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Bonded warehouse* di dalam PKFZ itu. Jadi kita dari segi *stock check* pun kita tidak boleh buat sebab *we don't have power* di dalam zon bebas itu. Akan tetapi dengan pindaan yang akan, *insya-Allah* diluluskan nanti, maknanya kita akan *direct access*. Apa yang berlaku sekarang kita tahu cuma di peringkat barang itu hendak keluar yang kita jaga di *gate* PKFZ. Di sini sekarang ini saya tengah memikirkan bahawa di situ juga kita hendak meminta kepada kerajaan untuk kita hendak pasang *scanner*, di sinilah, untuk kita pastikan barang-barang yang mereka bawa keluar itu adalah barang sebenarnya apa yang mereka *declared*.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ikut *manifest* dia oranglah. *So*, inilah penambahbaikan yang kita sedang laksanakan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya hendak faham. *So*, kes yang berlaku adalah, apabila mereka bawa barang-barang dari *West Port* masuk PKFZ, selepas itu boleh dikatakan diseludupi keluar tanpa pembayaran cukai. *Is that the reason why PKFZ becomes like...*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Seolah-olah macam itu, Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Seolah-olah macam itu?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Seolah-olah macam itu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *But that's* seolah-olah *the scenario*lah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Oleh sebab pergerakan dari dalam PKFZ keluar, katakan hendak pergi ke satu *bonded warehouse* lain ataupun untuk dieksport keluar negara, ia akan menggunakan Borang K8. Akan tetapi kalau barang hendak eksport akan menggunakan Borang K2. Kalau katakan hendak bawa kepada satu *bonded warehouse* lain, ia akan menggunakan K8. Borang K8 ini sebenarnya duti belum berbayar.

Oleh sebab itu sekarang ini kita melihat secara keseluruhan balik supaya kita dapat mengekang. Itu sebab sejak kejadian itu, saya sudah letakkan *24 hours road block* di sana.

Setiap selepas sahaja daripada *gate* PKFZ, ada orang saya menunggu di luar lagi untuk hendak semak balik dokumen betul tidak apa yang- kalau tidak, khuatir akan berlaku. Jadi kalau dengan ada kemungkinan sepertimana Tuan Pengerusi sebutkan tadi, *there is real benefit* kalau kita katakan letak satu *scanner* di pintu keluar. Ini yang sedang kita pertimbangkan di dalam jabatan di peringkat perancangan kita, *insya-Allah*.

Tuan Pengerusi: Satu perkara baru yang kita belajar ini hari. Saya tidak tahu yang *bonded area* Kastam tidak terlibat... *[Ketawa]*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ya. Okey, yang keempat ini isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara ialah sebanyak 31% daripada responden mengakui mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo dan 81% daripada mereka mengakui kurang mahir dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil.

Dari segi respons kita Tuan Pengerusi, pengendalian mesin pengimbas memerlukan kemahiran dan pengalaman yang tinggi serta memerlukan proses pembelajaran yang berterusan. Pegawai pengendali mesin pengimbas juga tertakluk kepada *job rotation* dan pegawai baru memerlukan masa untuk mendapat pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki untuk mengendalikan mesin pengimbas ini.

Di sini kita ada dua, *machine and man, man and machine*. Kadang-kadang *man* ini yang bagi sedikit *problem*. Selepas itu kalau dia tidak suka kerja itu, dia mungkin buat kata, *"Saya mungkin tidak terlatih lagi"* atau sebagainya. Akan tetapi ini kita atasi melalui- sebab dalam Kastam ini, saya tidak boleh katakan orang itu jaga mesin pengimbas, dia selama-lamanya mesin pengimbas. Saya kena *rotate* dari segi tugas beliau supaya dia ada kemahiran, kepakaran dalam bidang perkastaman yang lainlah.

Tuan Pengerusi: Normal *Audit procedure* pun kita tidak bagi satu orang itu duduk di satu jabatan...

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Di satu tempat yang terlalu lama.

Tuan Pengerusi: Terlalu lama.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Ya, okey. Latihan secara berkala telah disenaraikan bersama pihak vendor semasa menjalankan penyenggaraan pencegahan dari semasa ke semasa. Ini diikuti oleh latihan yang dibuat oleh ibu pejabat yang mana untuk tahun 2014 sahaja, sebanyak sembilan kursus telah diadakan di samping program naziran mesin pengimbas di semua negeri oleh Ibu Pejabat dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom Malaysia.

So kalau kita tengok *the next slide,* inilah kursus-kursus yang telah kita adakan... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Sebanyak sembilan kursus untuk tahun ini sahaja di Pelabuhan Klang, di Pulau Pinang, Langkawi, Kuching, Kota Kinabalu dan Rantau Panjang di Kelantan. Juga, jumlah-jumlah pegawai yang kita latihlah.

Kita pastikan apabila kita buat *job rotation,* kita tidak terus gantikan dengan orang baru kesemua. Apabila kita hendak keluarkan satu orang misalnya, kita pastikan ada yang lain yang berpengalaman untuk hendak mengajar orang baru yang akan memulakan tugaslah. Ini adalah penting untuk pastikan bahawa pegawai benar-benar boleh membaca imej imbasan apa bendanya dalam itu. Ini kerana kalau kita sendiri pun tengok, kalau tidak terlatih, memang tidak boleh dapat apa pun. *So, officers must be trained.* Terutamanya saya sebutkan tadi, material *discrimination* antara *organic and inorganic.* Organik, kalau dadah misalnya, kita mungkin nampak *color* hijau. *So,* jelas orang tahu ini mungkin sesuatu yang boleh menarik *suspicion* kita. Kalau metal, bentuk dia macam mana. Jadi itulah yang dilatih supaya mereka mahir dari segi hendak mengenal pasti imej ini secara keseluruhan.

Dari segi rumusan keseluruhan Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, JKDM amat prihatin terhadap teguran audit ke atas pengurusan mesin pengimbas terutama mesin pengimbas kargo. JKDM sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam pengurusan mesin pengimbas bagi mengoptimumkan penggunaan mesin untuk memastikan pengikraran barangan dibuat dengan betul dan mencegah penyeludupan barang-barang bercukai serta kemasukan barang-barang larangan ke arah meningkatkan pungutan hasil negara dan kesejahteraan rakyat. Sesuai dengan moto kita, *"Berkhidmat menyejahterakan rakyat".*

Sekian sahaja persembahan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Soalan daripada Jawatankuasa?

■1240

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya setiap tahun membangkitkan berkenaan dengan masalah hasil terutamanya dengan belanjawan kita. Di sini bolehkah Dato' Sri menjelaskan, kalau kita bandingkan Pelabuhan Klang (PKFZ) dengan pelabuhan Singapura dari segi pengimbasan dan sebagainya, di Singapura, misalnya dengan kontena mereka, saya diberitahu kalau kontena itu sampai, kapal sampai awal pagi, dalam 24 jam kalau tidak ada masalah dadah dan sebagainya, ia boleh keluarkan kontena. Di Pelabuhan Klang misalnya, yang tercepat sekalilah saya diberitahu- berapa hari yang diperlukan kalau tidak ada masalah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Terima kasih. Dato' Salleh, *time release study* kita, *please.* Boleh saya minta pegawai saya?

Dato' Haji Md. Salleh bin Said [Pengarah Bahagian Perkastaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau mengikut *time release study* yang dibuat oleh Bahagian Perancangan Korporat Kastam, sekiranya tidak ada masalah ke atas kontena, kita dapat melepaskan dalam 100 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Seratus...

Dato' Haji Md. Salleh bin Said: Seratus minit dalam kajian kita.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Md. Salleh bin Said: Seratus minit.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Satu kontena.

Dato' Haji Md. Salleh bin Said: Satu kontena.

Dr. Tan Seng Giaw: Seratus minit satu kontena.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Itu *portion* Kastam, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham, saya faham.

Tuan Pengerusi: *Scanner* berapa minit?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Scanner* sekejap sahaja, *past-thru* sahaja. Kalau di peringkat antarabangsa, yang selalu dibincangkan ialah daripada segi *turn around* kontena tersebut. Kita selalu juga berbincang dengan agensi lain sebab pengurusan kontena ini– *time release study* kita buat dari semasa ke semasa supaya kita *in line with* apa yang dikehendaki oleh pihak WCO. Akan tetapi, ada juga dari segi kadang-kadang kontena itu *ready to be release through customs* tetapi *haulier* mungkin tidak boleh. Jadi, *portion* kita itu, kita 100 minit *the most* sekarang ini daripada *time release study* yang kita uar-uarkan kepada pihak WCO.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau dibandingkan dengan pelabuhan yang lebih cekap, berapa minit yang mereka ambil?

Tuan Pengerusi: *Portion* Kastam sahajalah, yang *portion...*

Dr. Tan Seng Giaw: *Portion* Kastam...

Tuan Pengerusi: ...Yang *portion port* itu, itu...

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kita tidak ambil kira. Kita ambil *portion* kita sahaja 100 minit.

Dato' Haji Md. Salleh bin Said: Untuk kajian ini, kita memang tidak mengambil tahu, mengambil kira masalah pelepasan yang dihadapi oleh pelabuhan kerana pelabuhan mungkin dia ada formaliti lain seperti *charges* yang perlu dibayar dahulu baru boleh dilepaskan, ejen perlu mengambil *haulier* sampai baru boleh tarik keluar dan mungkin *haulier* juga mempunyai hutang lapuk dengan pihak pelabuhan, sekiranya tidak dijelaskan, kontena tidak boleh dibawa keluar. Jadi masalah-masalah yang dihadapi selain daripada kastam, kita tidak ambil kira. Jadi untuk Kastam sahaja, kita 100 minit.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *No, no.* Yang Berhormat tanya kalau bandingkan dengan pelabuhan lain. Boleh saya dapatkan detil itu dan serahkan semula kepada Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik. Dan saya juga nak faham, bagi setiap kali Dato' Sri kalau menemui masalah seperti dadah dan sebagainya, berapa yang terlepas yang tidak nampak? Adakah kajian?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kajian berapa yang terlepas ini saya rasa agak berat sedikit kita hendak... *[Disampuk]* Kita masih anggap dadah musuh nombor satu.

Itu saya rasa tidak dapat lari daripada fakta tersebut, dan sebab itu hari-hari pun ada tangkapan-tangkapan yang kita buat. Itu sebabnya di KLIA, tahun ini paling aktif kita tangkap anak dara cantik pun ada, Yang Berhormat. yang bawa dadah-dadah ini masuk. Kadang-kadang kita pun tidak percaya. Jadi hendak kata yang terlepas berapa banyak ini, saya pun tidak boleh memberikan penjelasanlah. Saya pohon maaflah.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita daripada lebih 20 juta itu, saya ingat ada banyak itu yang terlepas itu.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Saya tidak pasti dan saya yakin bahawa sekarang ini, modus operandi ia tidak akan melalui pelabuhan sebab kita ada rangkaian *intelligence* yang cukup kuat di peringkat *regional* ini seperti yang saya sebutkan tadi, RILO itu.

Saya baru-baru ini berada di Hong Kong bersama dengan *Commissioner Custom* Hong Kong dan kami bertukar-tukar maklumat dan juga telah pun *come out with* satu program yang kita panggil CAPS, *Customs Anti Drug – 'S' stand for what?* Akan tetapi, ada lah saya sudah berbincang dengan pihak *Commissioner Custom* Hong Kong untuk macam mana kita hendak *tackle* isu dadah di antara Malaysia dan Hong Kong. Kadang-kadang Hong Kong menuduh kita melepaskan dadah masuk ke negara mereka dan *vice versa,* kadang-kadang kita kata *look here, you also, you know,* lepaskan, tetapi itu tidak akan menyelesaikan masalah. Oleh sebab itu, kita duduk bersama dan kita akan menyelesaikan isu ini bersama-sama dengan pihak Hong Kong.

Tuan Pengerusi: Soal dadah untuk Malaysia ini, soal dadah itu satu hallah. Soal perdagangan manusia itu hal lain... *[Ketawa]* Jadi soal keldai dadah...

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Keldai dadah.

Tuan Pengerusi: ...*Drug mule* ini memang susah hendak kenal pasti siapa yang betul. Kalau hendak buat *hundred percent check* pun memang melambatkan lagi pemprosesan orang keluar masuk.

[Perbincangan secara off-record]

[Pembesar suara dimatikan]

Dr. Tan Seng Giaw: Isu-isu macam ini berlaku setiap hari dan saya setujulah kalau kita ada jalan tikus kita ada lebih 680 di seluruh negara, ini memang hebatnya mereka yang menjalankan aktiviti penyeludupan dan sebagainya. Dato' Sri, daripada segi penjagaan mesin ini, daripada pengalaman Dato' Sri, mesin yang mana yang paling baik?

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kita ada tiga jenis mesin. Kalau yang baru yang kita pasang di BSI itu memang dia tidak ada *downtime. Downtime*nya terlampau sedikit. *What is downtime like?... [Bertanya kepada pegawai berkaitan]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Dalam sebulan, kadang-kadang sehari sahaja dia punya *downtime.* Itu pun kadang-kadang kita terpaksa *stop for maintenance* tetapi oleh sebab kita ada dua, kita boleh bergilir-gilir penggunaan, *both* semasa import dan semasa eksport. Di BSI, kita ada dua jenis. Satu dari Jerman dan satu lagi dari China. Kedua-duanya *perform very well,* tidak ada menimbulkan masalah dan boleh membaca imej dengan jelas.

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah perbezaan kosnya?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Sama, sama.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kepong ingat kalau barang China mesti murah punya.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu masalah juga itu. Tuan Pengerusi ada masalah. Pandangan itu tidak jauh sangat... *[Ketawa]* Sebab itulah di Johor Bahru itu, ibu pejabat polisnya tidak dapat dibina.

Tuan Pengerusi: Ada soalan lain? Yang Berhormat Kepong ini dah mula- sekejap lagi dia cerita pasal insinerator pula... *[Ketawa]* Ada soalan lain daripada Ahli Jawatankuasa, tidak ada?

Jadi Dato', saya hendak tambah sedikit lagi mengenai kontrak penyenggaraan ini. Maknanya sekarang ini semua terma kontrak penyenggaraan telah di*upgrade* lah...

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Upgrade.*

Tuan Pengerusi: ...Dan telah ditambahbaikkan. Kalau ada VO lain yang di luar daripada terma itu macam mana?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Kalau di luar daripada kontrak itu, kita terpaksa bayar daripada kita punya *operating* lah.

Tuan Pengerusi: Ia berlaku *per incident* lah?

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Per incident.* Itu *per incident.*

Tuan Pengerusi: *Per incident.* Jadi sekarang ini kira *loophole*lah, atau kelonggaran itu telah diketatkan lagilah dari segi...

■1250

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Diketatkan. Macam contoh tadi kalau dilanggar, kita hendak gunakan mesin itu cepat, jadi *not fair for us to ask vendor to pay, because it is not within the contract maintenance* itu. *So we have to repair and then* nanti kita *claim* kepada- seperti yang SOP kata tadi, kepada insurans yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi saya punya pandangan masih lagi pada itulah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Saya mengambil pandangan itu.

Tuan Pengerusi: Pembelian itu atas dasar *total cost of ownership* atau *leasing* dan sekali dengan SLAnya, *service level agreement*nya supaya senang kontrak ini dapat dimuktamadkan masa pembelian itu untuk penggunaan selama beberapa tahunlah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Saya akan bawa pandangan ini kepada Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Okey, baik. Terima kasih. Kalau ada soalan lain? Kalau tidak ada soalan, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Sri.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Penjelasan diberikan memang- kalau saya katakan memuaskan, nanti ada orang tidak puas hati... *[Ketawa]* Macam itu hari kita pergi melawat pusat GST lah... *[Ketawa]* Akan tetapi saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Sri kerana sudi datang pada hari ini memberikan penjelasan dan penambahbaikan yang telah dibuat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebelum habis itu, mengenai dengan GST itu. Hari itu saya tidak ada di situ. Walau bagaimanapun, saya diminta oleh pihak SME lah, PKS itu yang minta pihak Kastam membantu mereka untuk menyelesaikan masalah GST. Saya percaya ini mengambil masa sedikit.

Tuan Pengerusi: Bagus. Kalau tengok itu lagi bagus.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu bagus, memanglah itu.

Tuan Pengerusi: Gunakan *website, web registration.*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: *Web registration*, ya.

Tuan Pengerusi: Tak payah nak pergi ke pejabat untuk...

Dr. Tan Seng Giaw: Itulah, itu memang itu pada zahirnya macam itulah.

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Tidak ada Yang Berhormat, semalam kita ada mesyuarat dan SME Presiden pun ada. Kita sudah berbincang macam mana kita hendak membantu SME Group.

Tuan Pengerusi: Jadi kita pun itu hari hendak mengucapkan terima kasih kepada Dato' Sri kerana telah sudi menerima kunjungan daripada PAC. Memang rata-rata kita amat tertariklah dengan- saya sekali lagi, saya tidak boleh katakan berpuas hati, akan tetapi amat tertarik dengan persiapan menyeluruh yang dibuat oleh Kastam, dan soalan-soalan yang saya tanya, soalan cepumas apa semua itu pun, saya rasa jawapan dia memang, dari segi diri saya, saya puas hatilah mengenai persediaan yang dibuat oleh Kastam untuk GST ini.

Baru-baru ini pun saya mengadakan taklimat GST di kawasan saya untuk orang Cina, 300 orang datang. Dia orang pun suka. Dia kata boleh daftar melalui *online*. Pegawai Dato' Sri di Johor pun ada untuk bersama-sama pada taklimat tersebut dan semuanya boleh buat *online*lah. Dia orang pun boleh daftar terus malam itu juga. Jadi saya ucapkan tahniahlah dan terima kasih kepada Kastam.

Jadi Dato' Sri, seperti biasa, *thank you very much to all of you.*

Dato' Sri Khazali bin Haji Ahmad: Okey. Kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormatlah.

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.53 tengah hari.]

DOKUMEN PEMBENTANGAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 36/2014

28 Oktober 2014,
Bilik Jawatankuasa 1, Bangunan Parlimen

"PENGURUSAN MESIN PENGIMBAS KARGO JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA"

LATAR BELAKANG

- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) adalah sebuah agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk:

  i. Memungut cukai tidak langsung negara; seperti duti import, duti eksport, cukai jualan, duti eksais, cukai perkhidmatan dan juga levi.
  ii. Memberi fasilitasi kepada sektor perindustrian dan perdagangan.
  iii. Memastikan pematuhan undang-undang yang ditadbir oleh JKDM.

LATAR BELAKANG

Akta-akta yang melibatkan tugasan JKDM adalah seperti berikut :

- Akta Kastam 1967
- Akta Cukai Jualan 1972
- Akta Cukai Perkhidmatan 1975
- Akta Eksais 1976
- Akta Zon Bebas 1990
- Akta Dadah Berbahaya 1952
- Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001
- Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007
- Akta Perdagangan Strategik 2010
- Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008
- Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998
- Akta Senjata Api 1960 (Disemak 1978)
- Akta Senjata dan Letupan (Disemak 1978)
- Akta Cetak-mencetak 1948 (Disemak 1971)
- Akta Kawalan Penerbitan Yang Diimport 1959 (disemak 1972)
- Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972

LATAR BELAKANG

- Salah satu usaha JKDM dalam memberi fasilitasi kepada sektor perindustrian dan perdagangan ialah mempercepatkan pelepasan barangan yang diimport dan dieksport dari kawalan Kastam selaras dengan ketetapan *Revised Kyoto Convention.*

- Penggunaan mesin pengimbas adalah diperlukan untuk mengurangkan pemeriksaan fizikal ke atas barangan yang diimport dan dieksport bagi mempercepatkan pelepasan barangan berkenaan dari kawalan Kastam.

PENGURUSAN MESIN PENGIMBAS KARGO JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

FUNGSI MESIN PENGIMBAS

- ✓ Memastikan jenis barang yang diimbas adalah seperti mana yang diikrar.
- ✓ Mengesan barang larangan atau barang berisiko tinggi daripada memasuki negara.
- ✓ Mengekang kepada aktiviti-aktiviti yang bertujuan menyeleweng cukai atau penyeludupan.

JENIS MESIN PENGIMBAS JKDM

- KARGO

JENIS MESIN PENGIMBAS JKDM

- BAGASI

JENIS MESIN PENGIMBAS JKDM

- **BADAN**

JUMLAH PENEMPATAN SEMASA UNIT MESIN PENGIMBAS SELURUH NEGARA

- JUMLAH SEMASA MESIN PENGIMBAS (SEHINGGA 20.10.2014)

KARGO	BAGASI	BADAN	JUMLAH
16	87	5	108

MODEL DAN SYARIKAT PENYELENGGARA MESIN PENGIMBAS KARGO DI JKDM

BIL	MODEL/ SYARIKAT PENYELENGGARA	KUANTITI	TARIKH PEROLEHAN / PEMASANGAN	PENEMPATAN		KUANTITI
				NEGERI	STESEN	
1	BT Scan P/X (6 MeV) Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd	2 Unit	12.11.2012	Johor	Bgn. Sultan Iskandar (BSI)	2
2	HCVP 6030 (6 MeV) Wafada Technic & Consult Sdn. Bhd	2 Unit	12.11.2012	Johor	Bgn. Sultan Iskandar (BSI)	2
3	Relocatable Vacis II CE/CS Scanning Machine NM Resources Sdn. Bhd	6 Unit	13.10.2001	Selangor	Pel. Utara (KPM) Cs-137;59GBq	1
				P.Pinang	NBCT, Cs-137;59GBq	1
				Sabah	Pel. Sepanggar Cs-137;59GBq	1
				Johor	Pasir Gudang Cs-137;59GBq	1
				Sarawak	Pel. Senari, Kuching Cs-137;59GBq	1
			29.09.2003	Johor	Tg. Pelepas, Johor Cs-137;59GBq	1

MODEL DAN SYARIKAT PENYELENGGARA MESIN PENGIMBAS KARGO DI JKDM

BIL	MODEL/ SYARIKAT PENYELENGGARA	KUANTITI	TARIKH PEROLEHAN / PEMASANGAN	PENEMPATAN		KUANTITI
				NEGERI	STESEN	
4	Thscan FS 6000 (6 MeV) Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd	1 Unit	08.09.2010	Selangor	Pel. Utara (KCT)	1
5	Thscan MB1215HS X-Ray Relocatable Inspection System (44 kVp;120mA;2.6MW) Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd	1 Unit	27.01.2004	Selangor	Pel. Barat, Selangor	1
6	Thscan MT1213T X-Ray Mobile Inspection System (39 kVp; 100 mA; 2.0 MW) Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd	1 Unit	27.01.2003	Perlis	Padang Besar, Perlis	1
7	Portal Vacis Scanning Machine (37 GBq; Co-60) NM Resources Sdn. Bhd	1 Unit	16.02.2005	Johor	Tanjung Kupang, Johor Co-60	1
8	Thscan HS3000 High Speed Inspection (2.5MeV) Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd	2 Unit	01.12.2003	P.Pinang	Pel. Bagan Dalam, P. Pinang	1
				Selangor	Pel. Barat Klang, Selangor	1
JUMLAH		**16 Unit**				

PEROLEHAN BARU MESIN PENGIMBAS

- JUMLAH BAGI PEROLEHAN BARU PROJEK KLIA 2 (PEMASANGAN TAHUN 2014)

BAGASI	BADAN
10	2

- PROSES PEROLEHAN SEMASA UNTUK PENGGANTIAN MESIN PENGIMBAS KARGO (STATUS : PENYEDIAAN TAPAK & PEMASANGAN TAHUN 2014 & 2015)

KARGO
4

- Pasir Gudang
- Tanjung Kupang - Import
- Butterworth (NBCT) - Import
- Bukit Kayu Hitam

- PEROLEHAN BARU YANG AKAN DIBUAT DIBAWAH PROJEK " U - CUSTOMS" (PEMASANGAN TAHUN 2015)

KARGO
8

- Pelabuhan Barat Port Klang (3)
- Pelabuhan Utara Port Klang (3)
- Butterworth (NBCT) – Eksport (1)
- Tanjung Kupang – Eksport (1)

PERJAWATAN MESIN PENGIMBAS

- Setiap syif akan terdapat 2 pegawai yang akan mengendalikan setiap mesin pengimbas bagasi di Cawangan Pemeriksaan Penumpang, Lapangan Terbang dan di pintu masuk sempadan.

- Bagi mesin pengimbas kargo, setiap syif akan terdapat 3 hingga 4 pegawai yang akan mengendalikan setiap mesin pengimbas kargo.

- Bilangan keseluruhan pegawai yang mengendalikan mesin pengimbas di JKDM adalah seramai 699 pegawai.

PRESTASI MESIN PENGIMBAS

- **STATISTIK JUMLAH IMBASAN DAN CUKAI YANG DISELAMATKAN**

TAHUN	JENIS MESIN PENGIMBAS			JUMLAH IMBASAN / CUKAI			
	KARGO	BAGASI	BADAN	KARGO		BAGASI	
				IMBAS	CUKAI DISELAMATKAN (RM)	IMBAS	CUKAI DISELAMATKAN (RM)
2013	16	77	3	1,750,395	7,756,540.14	28,318,285	11,576,929.46
2014 (SEHINGGA SEPTEMBER)	16	87	5	1,310,466	9,364,561.04	29,253,769	10,106,667.73

PRESTASI MESIN PENGIMBAS

- **STATISTIK BILANGAN KES DAN NILAI DADAH YANG DIRAMPAS**

TAHUN	BIL KES	NILAI (RM)
2013	66	61,473,281.00
2014 (SEHINGGA SEPTEMBER)	27	27,347,183.00

PRESTASI MESIN PENGIMBAS

- STATISTIK BILANGAN KES SENJATA API YANG DIRAMPAS

TAHUN	BIL KES
2013	23
2014 (SEHINGGA SEPTEMBER)	5

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

Pengauditan ke atas pengurusan mesin pengimbas kargo mendapati :

- Telah dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan oleh kerajaan.
- JKDM telah mengambil kira amalan terbaik WCO dalam memperolehi mesin pengimbas dari pengeluar/jenama yang mempunyai rekod prestasi yang terbukti berkesan *(proven track record).*
- JKDM juga memenuhi Dasar Perolehan Kerajaan dari segi Dasar Pemindahan Teknologi untuk perolehan mesin pengimbas kargo *PowerScan.*
- JKDM telah memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) bagi memperolehi lesen untuk mengurus dan menggunakan mesin-mesin pengimbas.

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

BIL	PENEMUAN AUDIT	PENJELASAN JABATAN AUDIT	TINDAKAN JKDM
1.	Daripada 16 mesin pengimbas kargo yang sedang digunakan, terdapat 2 mesin pengimbas kargo yang mempunyai kadar kerosakan yang tinggi iaitu 11.8% dan 15.6% setahun atau masing-masing tidak berfungsi sebanyak 86 dan 171 hari dalam tempoh 2 dan 3 tahun.	• Pada pendapat Audit, tahap penggunaan mesin pengimbas kargo yang boleh diterima atau dianggap telah digunakan secara optimum adalah sebanyak 90% setahun (penggunaan sekurang-kurangnya 328 hari dalam setahun). • Kadar kerosakan yang boleh terima adalah tidak melebihi 10% setahun. Kadar kerosakan mesin pengimbas kargo di antara 11.8% dan 15.6% boleh menjejaskan operasi JKDM.	• Kesemua mesin pengimbas dalam Jabatan ini mempunyai kontrak penyelenggaraan. • Kerosakan boleh berlaku dari semasa ke semasa terutamanya jika mesin tersebut telah lama usianya. Mesin pengimbas VACIS umpamanya telah mula diperolehi pada tahun 2001 dan kini telah berusia lebih 13 tahun. • Terdapat kerosakan yang mengambil masa kerana pihak vendor menghadapi kesukaran mendapatkan alat ganti. • Jabatan telah mengambil tindakan untuk menggantikan 4 unit mesin pengimbas jenis VACIS ini secara berperingkat berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan / EPU. • Pada tahun ini sebanyak 2 unit mesin pengimbas baru akan dipasang di Tanjung Kupang dan Pasir Gudang bagi menggantikan mesin pengimbas jenis VACIS ini.

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

BIL	PENEMUAN AUDIT	PENJELASAN JABATAN AUDIT	TINDAKAN JKDM
	sambungan		• Pihak vendor telah mengambil tindakan antaranya dengan menggantikan 'Data *Set Management Server' (DMS)* yang baharu pada 13 Januari 2014. Pihak vendor juga telah menempatkan seorang juruteknik di Pelabuhan Klang.

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

BIL	PENEMUAN AUDIT	PENJELASAN JABATAN AUDIT	TINDAKAN JKDM
2.	Terma kontrak penyenggaraan mesin pengimbas kargo tidak mempunyai skop Kerja penyenggaraan pencegahan yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci tidak disediakan mengikut skop kerja; dan	Pada pendapat Audit, terma-terma kontrak yang memadai serta butiran harga kos penyenggaraan bulanan terperinci adalah penting bagi memastikan kos sebenar kerja penyenggaraan adalah betul.	• Jabatan telah memperkenalkan beberapa penambahbaikan kepada syarat kontrak bagi memperkemaskan pengurusan penyenggaraan mesin pengimbas. • Dalam kontrak penyenggaraan mesin pengimbas dengan Pan Asiatic Technologies Sdn.Bhd., sebanyak 30 item telah dimasukkan ke dalam skop kerja penyenggaraan bulanan dan 60 item ke dalam skop kerja tahunan penyenggaraan mesin pengimbas. • Jumlah kos bulanan dan tahunan penyenggaraan juga telah dinyatakan di dalam kontrak berdasarkan skop kerja di atas seperti *man hours*, lokasi mesin dan kos professional *worksmanship*.

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

BIL	PENEMUAN AUDIT	PENJELASAN JABATAN AUDIT	TINDAKAN JKDM
	sambungan		Pada bulan Ogos 2013, Syarikat Pan Asiatic Technologies Sdn.Bhd telah membuat penambahbaikan bagi mengatasi beberapa masalah yang dikenal pasti punca kerosakan seperti berikut: *i.* *Upgrading* sistem '*Software Image Analysis*'. ii. Menggantikan sistem *'Optical Character Recognition' (OCR).* iii. Mengadakan latihan bagi pegawai mengenal pasti *'troubleshooting'* dan memperbaiki kerosakan *'minor'*. iv. Menyediakan perkhidmatan juruteknik yang akan *'standby'* 24 jam untuk kerosakan.

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

BIL	PENEMUAN AUDIT	PENJELASAN JABATAN AUDIT	TINDAKAN JKDM
	sambungan		• Sehingga September Tahun 2014, didapati tahap penggunaan mesin-mesin pengimbas kargo jenis Smiths Heimann dan NUCTECH adalah melebihi tahap 90%.

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

BIL	PENEMUAN AUDIT	PENJELASAN JABATAN AUDIT	TINDAKAN JKDM
3.	Apabila sesuatu kes kemalangan berlaku, tindakan pegawai Kastam adalah bergantung pada inisiatif pegawai berkenaan kerana *Standard Operating Procedures (SOP)* berkaitan tidak disediakan.	Pada pendapat Audit, ketiadaan SOP yang jelas mengakibatkan pegawai mesin pengimbas dan pegawai Kastam yang bertugas tidak mempunyai panduan dan rujukan yang terkini. Pegawai juga tidak dapat melaksanakan tindakan kecemasan dan susulan dengan cekap dan teratur apabila terjadi sesuatu kemalangan terhadap mesin pengimbas.	*Standard Operating Procedures (SOP)* – Tatacara Aduan / Laporan Kerosakan Mesin Pengimbas Jabatan telah dikeluarkan kepada semua pejabat Kastam Negeri pada 22 Ogos 2014.

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

BIL	PENEMUAN AUDIT	PENJELASAN JABATAN AUDIT	TINDAKAN JKDM
4.	Sebanyak 31% daripada responden (pegawai kastam) mengakui mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo dan 81% daripada mereka mengakui kurang mahir dalam menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil *(troubleshooting)*.	Pada pendapat Audit, pegawai Kastam yang mengakui mereka kurang mahir dalam mengendalikan mesin pengimbas kargo dan menyelesaikan masalah apabila berlaku kerosakan kecil *(troubleshooting)* boleh memberi impak kepada proses taksiran dan pelepasan dagangan serta mengesan ketirisan hasil.	i. Pengendalian mesin pengimbas memerlukan kemahiran dan pengalaman yang tinggi serta memerlukan proses pembelajaran yang berterusan. ii. Pegawai pengendali mesin pengimbas juga tertakluk kepada *'job rotation'* dan pegawai baru memerlukan masa untuk mendapat pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki untuk mengendalikan mesin pengimbas.

PENEMUAN AUDIT DAN TINDAKAN PENYELESAIAN

BIL	PENEMUAN AUDIT	PENJELASAN JABATAN AUDIT	TINDAKAN JKDM
	sambungan		iii. Latihan secara berkala telah dilaksanakan bersama pihak vendor semasa menjalankan penyenggaraan pencegahan dari semasa ke semasa. Ini diikuti oleh latihan yang dibuat oleh Ibu Pejabat yang mana untuk tahun 2014 sebanyak 9 kursus telah diadakan di samping program naziran mesin pengimbas di semua negeri oleh Ibu Pejabat dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

LATIHAN / KURSUS BAGI TAHUN 2014

BIL	JENIS LATIHAN / KURSUS	TARIKH	TEMPAT	BIL. PEGAWAI
1	Kursus Penggunaan Mesin Pengimbas Bagasi	24 – 27 Mac 2014	KLIA	35
2	Kursus Keselamatan Sinaran dan Latihan Pengendalian Mesin Pengimbas Kargo dan Bagasi	21 – 22 April 2014	Wisma Kastam, Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang Selangor	50
3	Kursus Penggunaan Mesin Pengimbas Bagasi	24 – 25 April 2014	KLIA	35
4	Kursus Penggunaan Mesin Pengimbas Bagasi	28 – 29 April 2014	KLIA2	35
5	Kursus Keselamatan dan Perlindungan dari Sinaran	3 – 5 Jun 2014	AKMAL Langkawi	40
6	Kursus Tatacara Pengendalian Mesin Pengimbas Bagasi, Mesin Pengimbas Badan dan Saber 40000	18 – 20 Ogos 2014	KLIA2	76
7	Kursus Keselamatan Sinaran dan Latihan Pengendalian Mesin Pengimbas Kargo dan Bagasi	27 – 28 Ogos 2014	Wisma Kastam, Kuching	23
8	Kursus Keselamatan Sinaran dan Latihan Pengendalian Mesin Pengimbas Kargo dan Bagasi	4 – 5 September 2014	JKDM Kota Kinabalu	42
9	Kursus Pengendalian Mesin Pengimbas dan Keselamatan Sinaran	10 -11 September 2014	JKDM Rantau Panjang	16

RUMUSAN

JKDM amat prihatin terhadap teguran audit ke atas pengurusan mesin pengimbas terutama mesin pengimbas kargo. JKDM sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam pengurusan mesin pengimbas bagi mengoptimakan penggunaan mesin pengimbas untuk memastikan pengikraran barangan dibuat dengan betul dan mencegah penyeludupan barang-barang bercukai serta kemasukan barang-barang larangan kearah meningkatkan pungutan hasil negara dan kesejahteraan rakyat.

SEKIAN,
TERIMA KASIH